Institut Pengajian Borneo

Bejalai, Strategi Kehidupan dan Pembentukan Komuniti Iban di Tawau, Sabah

Calvin Ligong Anak Bujang@Endawie

Sarjana Sains Sosial
2019

Bejalai, Strategi Kehidupan dan Pembentukan Komuniti Iban di Tawau, Sabah

Calvin Ligong Anak Bujang @ Endawie

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains Sosial

(Kajian Komuniti)

Institut Pengajian Borneo
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2019

PERAKUAN

Saya mengakui bahawa penulisan karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, petikan, huraian dan ringkasan yang setiap satu telah dinyatakan sumbernya. Tesis ini tidak pernah di terima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

_____

Calvin Ligong Anak Bujang@Endawie

11021783

Tarikh: 01 Oktober 2019

PENGHARGAAN

Syukur saya kepada Tuhan yang Maha Esa kerana memberkati saya dalam menyiapkan tesis ini. Terima kasih di atas kurniaan kesihatan yang baik, semangat untuk memotivasikan diri serta perlindungan yang baik semasa saya membuat kajian di lapangan bermula dari peringkat awal sehingga ke penghasilan tesis ini sepenuhnya. Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan khas buat penyelia saya iaitu Prof Dr. Spencer Empading Sanggin dan Prof Datuk Dr. Rashid Abdullah di atas kesabaran, jasa baik dalam mendidik, memberi tunjuk ajar, berkongsi ilmu dan pengalaman mereka serta membimbing saya dalam menyiapkan tesis sarjana ini. Segala perhatian dan masa yang diluangkan untuk memperbaiki hasil kajian dan penulisan bagi menghasilkan satu tesis yang berkualiti amatlah saya hargai.

Seterusnya, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pensyarah yang terlibat dalam kajian komuniti Iban di Tawau iaitu Prof Madya Dr Neilson Ilan Mersat, Encik Kelvin Egay dan Encik Jayl Langub yang telah banyak membantu saya semasa membuat kajian lapangan dan tidak lupa juga kepada kakitangan institut yang dahulunya dikenali sebagai Institut Pengajian Asia Timur (IPAT) yang turut memberi peluang kepada saya merasai pengalaman bekerja sebagai pembantu penyelidik di bawah Kerusi Dayak selama 4 tahun. Penghargaan ini juga turut saya berikan kepada kakitangan Pusat Pengajian Siswazah Universiti Malaysia Sarawak atas bantuan dalam penyemakan tesis dan nasihat semasa menyiapkan tesis ini.

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan juga saya ucapkan kepada penduduk kampung Iban di Merotai dan Kuala Nansang yang memberi kerjasama yang sangat positif semasa saya membuat kerja lapangan di kedua-dua kampung tersebut. Tidak lupa buat keluarga angkat Sigar bin Kuit dan isteri Timah anak Tijut di atas kesudian menyediakan tempat tinggal sepanjang saya membuat kajian di Tawau.

Penghargaan yang tak terhingga ini juga saya tujukan buat ibu bapa saya Bujang @ Endawie anak Maga dan Linda anak Amit di atas doa dan restu serta tidak lupa juga buat isteri tercinta Cecilia anak Jeffery Tok di atas pengorbanan beliau yang banyak bersabar semasa saya menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan yang turut membantu dan memberi sokongan sepanjang penghasilan tesis ini. Segala ilmu dan pengalaman yang saya perolehi akan saya perkembangkan lagi untuk proses pembelajaran sepanjang hayat bagi menghadapi perubahan persekitaran yang semakin mencabar dari semasa ke semasa. Dengan itu, segala pencapaian saya dalam bidang akademik ini adalah hasil daripada kejayaan bersama dan amatlah saya hargai.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji peranan budaya tradisional dan sistem ekonomi tradisional masyarakat Iban yang mempengaruhi komuniti Iban untuk bermigrasi dari tempat asal ke Tawau, Sabah sehingga mewujudkan penempatan kekal yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Sabah iaitu Kampung Iban Merotai dan Kampung Iban Kuala Nansang. Secara umumnya objektif kajian ini juga mengkaji peranan institusi budaya *bejalai* dan menilai strategi kehidupan masyarakat Iban di Tawau dalam memperkukuhkan kehidupan sebagai masyarakat migran. Dalam kajian ini sebanyak 68 orang responden berbangsa Iban tulen telah terlibat secara langsung semasa kajian lapangan dibuat dengan metodologi kajian melalui kaedah borang soal selidik dan temubual secara mendalam bagi mendapatkan data-data serta maklumat penting untuk dianalisa. Faktor tarikan kepada kajian ini juga melihat pola migrasi komuniti Iban walaupun migrasi ini melangkaui sempadan negeri namun pola migrasi ini menjurus kepada migrasi desa ke desa di mana persekitaran agak sama dengan penempatan asal di Sarawak. Hasil kajian menunjukkan komuniti Iban di Tawau, Sabah dianggap sebagai satu komuniti migran yang berjaya dan mampu mengadaptasi budaya tempatan dengan menggunakan strategi kehidupan melalui strategi merangka pelbagai aktiviti ekonomi serta kepelbagaian pekerjaan bagi meningkatkan taraf hidup komuniti Iban. Secara keseluruhannya, kewujudan penempatan kekal dan pembangunan masyarakat Iban di Tawau banyak dipengaruhi dengan institusi tradisional masyarakat Iban iaitu budaya *bejalai*, sistem ekonomi tradisional serta kegiatan pertanian tradisonal menyebabkan komuniti Iban mampu mewujudkan institusi komuniti migran yang berjaya di Tawau, Sabah.

Kata kunci: Strategi kehidupan, institusi budaya *Bejalai*, migrasi desa ke desa, pembangunan masyarakat.

Bejalai, Livelihood Strategy and Formation of the Iban Community in Tawau, Sabah

ABSTRACT

This study is mainly focused on the role of traditional cultural and its traditional economic system of the Iban community which has influenced the Iban community for their migration from their origin to Tawau, Sabah and managed to established their permanent residential area that has been recognized by the Sabah State Government which is known as Kampung Iban Merotai and Kampung Iban Kuala Nansang. The objectives of this study were also comprises of the role of institution of the "Bejalai" culture (Migration Culture) and to access the livelihood strategies of the Iban community in Tawau to sustain their lives as a migrant community. In this study there are 68 of the Iban race respondents whom has involves directly during the fieldwork in Tawau which has been carried out through the research methodology of a set of questionnaire and in-depth interview for the data collection and gathered the first hand of the important information from the respondents for this research and to be analysed. Hence, this study were also shows the interesting factor of the migration trends of the Iban community has go beyond the state boundary and this migration suggestive to the rural to rural migration which the environment were almost similar to their origin residential in Sarawak. The findings of this study shows that the Iban community in Tawau, Sabah are considered as a successful migrant community and able to adapt to the local cultural and able to applied the livelihood strategies through their planning strategies of multi-economic activities and the diversity in their works to enhance the living standards of Iban community. Overall, the establishment of the permanent residential and development of the Iban community in Tawau are mostly influenced by the Traditional Institution of the Iban community which are the "Bejalai" culture itself, the traditional economic system and

the traditional agricultural activities which contributes to the Iban community and enable them to established the Successful Migrant Iban community in Tawau, Sabah.

Keywords: *Livelihood strategy, institution of "Bejalai" culture (migration culture), rural to rural migration, community development.*

ISI KANDUNGAN

Halaman

PERAKUAN

i

PENGHARGAAN

ii

ABSTRAK

iv

ABSTRACT

v

ISI KANDUNGAN

vii

SENARAI JADUAL

xiv

SENARAI RAJAH

xv

SENARAI SINGKATAN

xviii

BAB 1 : PENGENALAN

1

1.1 Latar Belakang Kajian

1

1.2 Permasalahan Kajian

3

1.3 Objektif Kajian

6

1.4 Kerangka Teoretikal Strategi Kehidupan

7

BAB 2 : SOROTAN LITERATUR 9

2.1 Pengenalan

9

2.2 Budaya *Bejalai* (Migrasi)

9

2.3 Latar Belakang Komuniti Iban di Sabah

12

2.3.1 Komuniti Iban di Tawau

13

2.4 Kesimpulan

14

BAB 3 : LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN DAN METODOLOGI KAJIAN

15

3.1 Pengenalan

15

3.2 Latar Belakang Komuniti Migran Iban

16

3.3 Latar Belakang Kawasan Kajian

19

3.4 Kaedah Pemilihan Sampel Kajian

20

3.5 Prosedur Persampelan Rawak Berlapis

20

3.6 Kaedah Pemprosesan dan Penganalisisan Data

22

3.6.1 Data Primer

23

3.6.2 Data Sekunder 25

3.6.3 Analisis Data Kualitatif

26

3.6.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian Kualitatif

29

3.6.5 Triangulasi

29

3.7 Kesimpulan

30

BAB 4 : HASIL KAJIAN ETNIK IBAN DI TAWAU

31

4.1 Pengenalan
31
4.2 Maklumat Responden Kampung Merotai
31
Dan Kampung Kuala Nansang, Tawau
4.2.1 Jantina Responden Masyarakat Iban di
32
Kampung Merotai, Tawau
4.2.2 Jantina Responden Masyarakat Iban di
33
Kampung Kuala Nansang, Tawau
4.2.3 Tempat Lahir Responden Masyarakat Iban di
33
Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau
4.2.4 Pekerjaan Utama Responden Kampung Merotai
36
dan Kuala Nansang, Tawau
4.2.5 Kategori Pekerjaan Utama Penduduk
37
Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau
4.2.6 Sumber Pendapatan Selain Daripada Bekerja di
38
dalam Kalangan Responden di Kampung Merotai
dan Kuala Nansang, Tawau

4.2.7 Pendapatan Bulanan Bagi Responden Kampung Merotai
39
dan Kuala Nansang, Tawau
4.2.8 Taraf Pendidikan Kampung Merotai dan
42
Kampung Kuala Nansang, Tawau
4.3 Maklumat Isi Rumah Responden Kampung Merotai
44
dan Kuala Nansang, Tawau
4.3.1 Peringkat Generasi Responden Masyarakat Iban
44
di Kampung Merotai, Tawau
4.3.2 Peringkat Generasi Responden Masyarakat Iban
45
di Kampung Merotai, Tawau
4.3.3 Asal Rumah Panjang Responden atau Orang Tua
46
di Sarawak Bagi Kampung Merotai, Tawau
4.3.4 Asal Rumah Panjang Responden atau Orang Tua
47
Di Sarawak Bagi Kampung Kuala Nansang, Tawau
4.3.5 Jumlah Ahli Keluarga yang Tinggal Serumah di
48
Kampung Merotai, Tawau

4.3.6 Jumlah Ahli Keluarga yang Tinggal Serumah di
50
Kampung Kuala Nansang, Tawau
4.3.7 Keturunan Pasangan Anak-Anak yang Telah Berumahtangga
51
Bagi Responden Kampung Merotai, Tawau
4.3.8 Keturunan Pasangan Anak-Anak yang Telah Berumahtangga
52
Bagi Responden Kampung Kuala Nansang, Tawau
4.3.9 Penguasaan Bahasa Iban Dalam Kalangan Generasi Muda
53
yang Berumur di Bawah 20 Tahun Dalam Sesebuah Institusi
Keluarga Bagi Penduduk Kampung Merotai, Tawau
4.3.10 Penguasaan Bahasa Iban Dalam Kalangan Generasi Muda
55
yang Berumur di Bawah 20 Tahun Dalam Sesebuah Institusi
Keluarga Bagi Penduduk Kampung Kuala Nansang, Tawau
4.3.11 Jumlah Responden yang Pernah Mengirim Wang
56
Kepada Keluarga di Sarawak Dalam Kalangan Respondan
di Kampung Merotai, Tawau
4.3.12 Jumlah Responden yang Pernah Mengirim Wang
57

Kepada Keluarga di Sarawak Dalam Kalangan Respondan di Kampung Kuala Nansang, Tawau
4.3.13 Amalan Penyimpanan Wang daripada Sebahagian Pendapatan Responden Kampung Merotai, Tawau 58
4.3.14 Amalan Penyimpanan Wang daripada Sebahagian Pendapatan Responden Kampung Kuala Nansang, Tawau 59
4.3.15 Kategori Peluang Berdasarkan Jenis Kemudahan yang Disediakan di Kampung Merotai, Tawau 60
4.3.16 Kategori Peluang Berdasarkan Jenis Kemudahan yang Disediakan di Kampung Kuala Nansang, Tawau 61
4.4 Keagamaan Dalam Kalangan Responden di Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau 63
4.4.1 Kepercayaan Masyarakat Iban Kampung Merotai, Tawau 63
4.4.2 Kepercayaan Masyarakat Iban Kampung Kuala Nansang, Tawau 64
4.5 Perhubungan Responden Dengan Penduduk Bukan Iban 65

di Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau
4.5.1 Konteks Interaksi Sosial yang Paling Kerap Antara 66
Responden dan Penduduk Iban di Kampung Merotai, Tawau
4.5.2 Konteks Interaksi Sosial yang Paling Kerap Antara 67
Responden dan Penduduk Iban di Kampung
Kuala Nansang, Tawau
4.5.3 Kefasihan Responden Kampung Merotai Terhadap
68
Bahasa Dialek di Sabah
4.5.4 Kefasihan Responden Kampung Kuala Nansang Terhadap
68
Bahasa Dialek di Sabah
4.5.5 Pendapat Responden Kampung Merotai Terhadap
69
Kecendurangan Generasi Muda Untuk Berkahwin Campur
4.5.6 Pendapat Responden Kampung Kuala Nansang Terhadap
69
Kecendurangan Generasi Muda Untuk Berkahwin Campur
4.6 Pemilikan dan Guna Tanah Dalam Kalangan Responden
70
di Kampung Merotai Dan Kuala Nansang, Tawau
4.6.1 Status Pemilikan Tapak Rumah Kediaman Responden
70
di Kampung Merotai, Tawau

4.6.2 Status Pemilikan Tapak Rumah Kediaman Responden di 71
Kampung Kuala Nansang, Tawau
4.6.3 Adakah Anda Mempunyai Tanah Bagi Tujuan Pertanian 75
4.6.4 Adakah Anda Mempunyai Tanah Tanah Bagi 72
Tujuan Pertanian (Kampung Kuala Nansang)
4.6.5 Jumlah Pemilikan Keluasan Tanah Dalam Kalangan 72
Responden di Kampung Merotai, Tawau
4.6.6 Jumlah Pemilikan Keluasan Tanah Dalam Kalangan 73
Responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau
4.6.7 Kaedah Mendapatkan Pemilikan Tanah Dalam Kalangan 74
Penduduk Iban di Kampung Merotai, Tawau
4.6.8 Kaedah Mendapatkan Pemilikan Tanah Dalam Kalangan 75
Penduduk Iban di Kampung Kuala Nansang, Tawau
4.6.9 Jenis Pemilikan Guna Tanah Dalam Kalangan Penduduk di 76
Kampung Merotai, Tawau
4.6.10 Jenis Pemilikan Guna Tanah Dalam Kalangan Penduduk di 77
Kampung Kuala Nansang, Tawau

4.6.11 Kewujudan Konflik Berkenaan Tanah di Kampung Merotai, Tawau 77

4.6.12 Kewujudan Konflik Berkenaan Tanah di Kampung Kuala Nansang, Tawau 78

BAB 5 : PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

79

5.1 Pengenalan

79

5.2 Konteks Bejalai Komuniti Iban di Tawau

79

5.3 Perbincangan Mengenai Dapatan Analisis Deskriptif

88

Dalam Kalangan Informan Mengenai Komuniti Iban di Tawau

BAB 6 : RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

97

6.1 Rumusan

97

6.2 Implikasi Kajian

100

6.3 Cadangan Kajian

102

RUJUKAN

104

LAMPIRAN

108

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 2.1 Destinasi Perjalanan *Bejalai* Dalam Kalangan Orang Iban

11

Jadual 3.1 Langkah Penggunaan Perisian ATLAS.ti

28

Jadual 4.1 Jantina Responden Masyarakat Iban di Kampung Merotai, Tawau

32

Jadual 4.2 Jantina Responden Masyarakat Iban di Kampung Kuala Nansang, Tawau 33

Jadual 4.3 Keturunan Pasangan Anak-Anak Yang Telah Berumah tangga Bagi Responden Kampung Merotai, Tawau 51

Jadual 4.4 Keturunan Pasangan Anak-Anak Yang Telah Berumah tangga Bagi Responden Kampung Kuala Nansang, Tawau 52

Jadual 4.5 Pengunaan Bahasa Iban Diutamakan Bagi Perbualan Harian Bagi Keluarga Responden di Kampung Merotai 54

Jadual 4.6 Jumlah Pemilikan Keluasan Tanah Dalam Kalangan Responden di Kampung Merotai, Tawau 72

Jadual 4.7 Jumlah Pemilikan Keluasan Tanah Dalam Kalangan Responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau 73

Jadual 4.8 Kewujudan Konflik Berkenaan Tanah di Kampung Merotai, Tawau 77

Jadual 4.9 Kewujudan Konflik Berkenaan Tanah di Kampung Kuala Nansang, Tawau 78

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1 Kerangka Teoritikal Strategi Kehidupan 7

Rajah 2.1 Jadual Jumlah Populasi Komuniti Iban Pada 1891 Sehingga 1931 12

Rajah 3.1 Sampel Rawak Yang Dipilih Daripada Prosedur Persampelan 22

Rawak Berlapis Secara Kuota

Rajah 4.1 Tempat Lahir Responden Komuniti Iban di Merotai 34

Rajah 4.2 Tempat Lahir Responden Masyarakat Iban di Kuala Nansang 35

Rajah 4.3 Pekerjaan Utama Penduduk Kampung Merotai 36

Rajah 4.4 Kategori Pekerjaan Utama Penduduk Kampung Merotai 37

Rajah 4.5 Pendapatan Bulanan Responden Kampung Merotai 39

Rajah 4.6 Pendapatan Bulanan Responden Kampung Kuala Nansang 41

Rajah 4.7 Taraf Pendidikan Responden Dalam Kalangan Penduduk 42

Kampung Merotai, Tawau

Rajah 4.8 Taraf Pendidikan Responden Dalam Kalangan Penduduk Kampung 43

Kuala Nansang, Tawau

Rajah 4.9 Generasi Responden di Kampung Iban Merotai, Tawau 44

Rajah 4.10 Rumah Panjang Asal Responden di Sarawak atau Orang Tua 46

Responden di Kampung Merotai, Tawau

Rajah 4.11 Rumah Panjang Asal Responden di Sarawak atau Orang Tua 47

Responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Rajah 4.12 Jumlah Ahli Keluarga Yang Tinggal Serumah di Kampung 48

Merotai, Tawau

Rajah 4.13 Jumlah Ahli Keluarga Yang Tinggal Serumah di Kampung 50

Kuala Nansang, Tawau

Rajah 4.14 Penguasaan Bahasa Iban Dalam Kalangan Anak Muda Yang 53

Berumur Di Bawah 20 Tahun Dalam Keluarga Responden

Rajah 4.15 Jumlah Responden Yang Pernah Mengirim Wang Kepada Keluarga 56

di Sarawak Dalam Kalangan Responden di Kampung Merotai, Tawau

Rajah 4.16 Amalan Menyimpan Wang Simpanan di kalangan Responden 58 Kampung Merotai

Rajah 4.17 Kategori Peluang Dan Kemudahan Yang Terdapat di Kawasan 60

Penempatan Responden Kampung Merotai

Rajah 4.18 Kategori Peluang Dan Kemudahan Yang Terdapat di Kawasan 61 Penempatan Responden di Kuala Nansang

Rajah 4.19 Kepercayaan Responden Kampung Merotai, Tawau 63

Rajah 4.20 Kepercayaan Masyarakat Iban Kampung Kuala Nansang, Tawau 64

Rajah 4.21 Konteks Interaksi Sosial Yang Paling Kerap Antara Responden 66

dan Penduduk Iban di Kampung Merotai, Tawau

Rajah 4.22 Konteks Interaksi Sosial Yang Paling Kerap Antara Responden 67

dan Penduduk Iban di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Rajah 4.23 Responden Kampung Merotai Mempunyai Tanah Untuk 71

Kegiatan Pertanian

Rajah 4.24 Kaedah Memperolehi Tanah Dalam Kalangan Responden di Kampung Merotai, Tawau 74

Rajah 4.25 Jenis Guna Tanah di Kalangan Responden di Kampung Merotai, Tawau 76

Rajah 5.1 Hasil Adaptasi Pengkaji Dalam Konteks Budaya *Bejalai* (Kedit, 1993) 79

Rajah 5.2 Kerangka Teoritikal Strategi Kehidupan 84

Rajah 5.3 Visual Perisian ATLAS.Ti Hasil Analisis Dapatan Temubual Informan Mengenai Komuniti Iban di Tawau 89

SENARAI SINGKATAN

JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
KIR	Ketua Isi Rumah
LKTNS	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah

N.C.O	Non-Commissioned Officer
RM	Ringgit Malaysia
SLDB	Sabah Land Development Berhad
SPBU	Syarikat Berpiagam Borneo Utara

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kewujudan penempatan kekal komuniti Iban di Tawau, Sabah merupakan keunikan budaya *bejalai* atau merantau ke negeri lain untuk meningkatkan taraf kehidupan seseorang dan budaya *bejalai* dalam konteks moden lebih dikenali sebagai budaya migrasi yang menjadi elemen strategi kehidupan komuniti Iban. Dalam pembangunan ekonomi negara Malaysia, secara tidak langsung peranan komuniti Iban dalam industri pertanian komersial kian meningkat terutamanya dalam sektor penanaman kelapa sawit. Komuniti Iban kini bukan hanya berpotensi dalam meningkatkan pembangunan sosial dari aspek pertanian sahaja namun kebanyakan generasi muda kini lebih cenderung bermigrasi untuk meningkatkan status sosial. Tren migrasi dari penempatan asal rumah panjang ke bandar atau luar negeri kelahiran ini telah menjadi dorongan kepada generasi muda untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi serta bekerja di kota demi mencapai suatu tahap sosial yang lebih baik.

Kajian ini adalah mengenai adaptasi sosio-budaya dan ekonomi masyarakat Iban di daerah Tawau, Sabah. Dalam kajian ini juga turut menyentuh budaya migrasi masyarakat Iban dan sejarah kewujudan penempatan masyarakat Iban luar dari Negeri Sarawak yang bermigrasi ke Negeri Sabah sejak awal abad ke 20. Proses migrasi dan adaptasi masyarakat Iban terhadap budaya tempatan di Sabah banyak dibantu oleh elemen penting dalam budaya tradisional masyarakat Iban. Antaranya, penempatan komuniti Iban ini adalah hasil budaya

bejalai yang tidak kembali semula ke negeri asal seperti yang diterangkan oleh Kedit (1993) iaitu sekembalinya merantau atau *bejalai* proses ini akan menaikkan taraf sosial seseorang.

Oleh itu kajian ini akan melihat perkaitan antara elemen-elemen tradisional masyarakat Iban dengan pola-pola migrasi oleh sekumpulan individu yang pertama bermigrasi ke Sabah. Bagaimana elemen-elemen penting ini telah mempengaruhi masyarakat Iban untuk memilih Tawau sebagai destinasi penempatan kekal dan seterusnya merangka strategi - strategi kehidupan di tempat baru seperti di Tawau.

Kaum-kaum lain di Sarawak melihat masyarakat Iban merupakan kaum yang cenderung berpindah atau berhijrah sama ada dalam jangka masa yang sementara mahupun secara tetap. Bagi masyarakat Iban, secara tradisi, budaya migrasi ini lebih dikenali sebagai *bejalai* atau berjalan. Menurut Freeman (1992) *bejalai* salah satu intitusi merantau yang penting bagi masyarakat Iban untuk mencari harta kekayaan dan menaikkan martabat sosial seseorang sebaik sahaja balik dari merantau atau *bejalai*. Budaya *bejalai* ini menggalakkan individu keluar dari perkampungan asal untuk mencari wang bagi mendapatkan harta dengan harapan sekembalinya dari merantau dapat menaikkan taraf sosial seseorang (Kedit, 1993).

Budaya *bejalai* bagi Jensen (1974) boleh dianggap sebagai satu peluang yang baik kepada golongan muda untuk keluar berjalan ke tempat lain. Hasil dari *bejalai* tersebut mereka akan membawa balik *tajau* iaitu sejenis tempayan, gong dan enjin sangkut. Budaya ini membolehkan masyarakat Iban tidak lagi keluar untuk aktiviti pemenggalan kepala. Mereka yang keluar *bejalai* ini merantau sehingga ke Malaya yang kini dikenali Semenanjung Malaysia termasuk merantau ke negara Singapura bagi mencari sumber kekayaan.

1.2 Permasalahan Kajian

Kajian ini meneliti strategi kehidupan yang diamalkan oleh masyarakat Iban sebagai komuniti migran dimana komuniti Iban adalah bukan komuniti atau etnik yang berasal daripada Sabah. Persoalan pokok dalam kajian ini adalah sama ada masyarakat Iban di luar Sarawak mewujudkan replikasi komuniti asal mereka di destinasi migrasi mereka. Persoalan ini ditimbulkan kerana dalam sejarah perluasan penduduk Iban di Sarawak, komuniti Iban telah berkembang dari tempat asal mereka di hulu Sungai Kapuas (Kalimantan Barat) ke hampir seluruh negeri Sarawak dengan membawa serta mengamal cara hidup tradisional mereka. Mulai awal abad ke-20 masyarakat Iban telah menjadi penduduk majoriti di Sarawak dan boleh dikatakan cara hidup masyarakat Iban telah mendominasi lanskap luar bandar Sarawak. Negeri Sabah mempunyai persekitaran sosio-politik dari segi undang-undang dan ordinan yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri Sabah yang berbeza dengan negeri Sarawak, terutamanya berkenaan hak meneroka serta hak ke atas tanah yang telah diteroka dimana undang-undang tanah adalah berbeza seperti *Native Customary Rights.* Masyarakat Iban adalah kaum minoriti dari segi jumlah populasi di Sabah, manakala dari aspek sosio-politik kaum asal negeri Sabah, komuniti Iban dianggap bukan penduduk asli di Sabah, namun begitu kaum Iban telah diiktiraf oleh kerajaan negeri Sabah bagi taraf kependudukan mereka. Oleh itu, kajian ini juga akan menjurus kepada apakah perbezaan keadaan sosio-politik ini mempengaruhi cara hidup komuniti migran.

Persoalan sampingan dalam kajian ini, adalah mengenai proses migrasi masyarakat Iban ke negeri Sabah. *Bejalai* dianggap satu institusi sosial yang amat penting dalam cara hidup masyarakat Iban yang mempunyai fungsi ekonomi serta fungsi sosial apabila seseorang keluar merantau membawa balik harta atau duit akan dipandang tinggi oleh komuniti Iban

menyebabkan bejalai ini amat penting kepada komuniti Iban. Dalam masyarakat Iban tradisional yang hidup berlandaskan budaya tradisional, *bejalai* dalam pengertian budaya Iban, digalakkan dilakukan oleh setiap orang lelaki kerana peranan sosial seorang lelaki yang perlu berusaha untuk membuktikan bahawa mampu berjaya dan berani untuk keluar merantau bagi mencari harta kekayaan supaya boleh meningkatkan martabat seorang lelaki Iban yang gah dari segi kekayaan, ilmu dan harta. Persepsi tradisional kaum wanita pada zaman lalu terhadap lelaki yang tidak mengamalkan *bejalai* adalah berstatus jauh lebih rendah berbanding lelaki yang sudah keluar *bejalai* kerana lelaki yang tidak keluar bejalai dianggap komuniti Iban yang malas dan tidak mampu mencari harta yang lebih kepada keluarga.

Bejalai juga merupakan saluran untuk memperolehi, selain objek berprestij, barangan keperluan lain yang tidak terdapat di rumah panjang. Maka setiap kali seseorang itu melakukan amalan *bejalai* beliau harus kembali ke komuniti rumah panjangnya, biasanya sebelum musim menanam padi bukit bermula. *Bejalai* mempunyai persamaan dengan migrasi sementara yang berlaku dalam semua masyarakat pada hari ini berdasarkan Kedit (1993) ianya adalah keluar merantau dalam masa yang singkat dan tidak secara tetap kerana akan kembali semula ke tempat asal tetapi berbeza dari segi objektif serta pendorong untuk bermigrasi dimana migrasi ini adalah untuk berpindah kekal disebabkan keperluan untuk bermigrasi berbanding bejalai hanya menjurus kepada lelaki Iban untuk mencari harta kekayaan bagi membolehkan martabat sosial lelaki tersebut dipandang tinggi.

Kajian ini akan merungkai persoalan mengenai perubahan pegangan kepada nilai serta fungsi tradisonal *bejalai* di kalangan orang Iban generasi pertama di Sabah. Dalam mengkaji proses serta sejarah migrasi orang Iban di Tawau akan dikenalpastikan sebab-sebab mereka

tidak berpegang kepada amalan *bejalai* dan adakah terdapat perbezaan antara generasi pertama dan generasi kedua dalam proses dan matlamat *bejalai* yang telah dilalui.

Masyarakat Iban mengadaptasikan konsep *bejalai* bagi merantau mencari harta kekayaan sekembalinya dari merantau tersebut. Budaya *bejalai* ini satu elemen membenarkan kaum lelaki untuk keluar merantau dan budaya ini pada zaman dulu hanya dapat dilihat dalam masyarakat Iban sahaja. Menurut Kedit (1993) terdapat beberapa jenis merantau atau yang berkait rapat dengan budaya *bejalai* seperti *bekuli* dan *pindah*. *Bekuli* adalah keluar merantau untuk bekerja sebagai buruh dan *pindah* pula adalah migrasi secara tetap sama ada dalam kumpulan keluarga atau satu komuniti rumah panjang (Kedit, 1993). Pada dasarnya pengkaji melihat wujudnya kebarangkalian masyarakat Iban yang keluar merantau pada mulanya disebabkan faktor budaya *bejalai* itu sendiri adalah untuk mencari harta kekayaan di negeri Sabah dan adanya peluang untuk *bekuli* di negeri tersebut menyebabkan masyarakat Iban menetap secara sementara di Sabah yang kemudiannya merantau ke negeri Sabah yang lain seperti Tawau. Berdasarkan budaya *bejalai* seseorang akan kembali ke kampung halaman selepas keluar merantau sekian lamanya, namun fenomena ini berubah apabila sekumpulan komuniti Iban yang *bejalai* dan *pindah* dengan membuka dua kawasan penempatan tetap di Tawau. Konsep ini dapat ditekan dalam bab perbincangan dalam dapatan kajian. Menurut Ullah (2010) pemilihan destinasi dan faedah yang diperolehi serta risiko yang akan dihadapi oleh seseorang untuk bermigrasi akan ditentukan dengan tahap kemampuan ekonomi dan kuasa sosial seseorang individu yang menentukan hala tuju destinasi untuk bermigrasi.

Tema budaya migrasi oleh kaum Iban amat sesuai bagi mengenalpasti permasalahan kajian bagi mengkaji masyarakat Iban di luar bandar Tawau, Sabah. Wujudnya penempatan masyarakat Iban di Tawau telah membuktikan budaya migrasi masyarakat Iban dari Sarawak

ke Tawau Sabah menunjukkan penerapan budaya migrasi ini telah melangkaui sempadan negeri yang berbeza antara Sabah dan Sarawak. Pola migrasi yang wujud lebih kepada pola migrasi desa ke desa dan wujudnya daya tarikan sehingga masyarakat Iban memilih untuk menetap secara kekal di Tawau.

1.3 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengetahui peranan institusi budaya yang mewujudkan sebuah komuniti Iban yang merupakan sebuah komuniti migran yang berjaya di Tawau, Sabah. Bagi objektif khusus:

i. Peranan budaya *bejalai* sebagai institusi budaya dalam membentuk komuniti Iban di Tawau;

ii. Peluang-peluang ekonomi yang wujud di persekitaran Tawau yang membolehkan Tawau menjadi salah satu penempatan tetap komuniti Iban;

iii. Strategi kehidupan masyarakat Iban dalam memperkukuhkan taraf kehidupan sebagai masyarakat migran di Tawau dari aspek, adaptasi budaya, pemilikan tanah dan status sosial.

1.4 Kerangka Teoretikal Strategi Kehidupan



Rajah 1.1: Kerangka Teoritikal Strategi Kehidupan

Sumber: Department for International Development 2002,
(Diterjemahkan dari *Sustainable Livelihood Guidance Sheets)*

Rajah 1.1 adalah kerangka strategi kehidupan yang digunakan dalam kajian ini, ia merujuk kepada satu pengukuran untuk melihat bagaimana penduduk luar bandar meneruskan kehidupan dengan merangka pelbagai aktiviti dalam kehidupan seperti kepelbagaian pekerjaan. Khususnya adalah memfokus kepada strategi sara hidup masyarakat Iban di Tawau ini. Bagi Ellis (1998) kepelbagaian sara hidup adalah merujuk kepada satu proses yang mana keluarga luar bandar membina pelbagai portfolio aktiviti dan kemampuan

sokongan sosial dalam perjuangan mereka untuk terus hidup dan pada masa yang sama untuk meningkatkan taraf hidup. Bagi komuniti migran yang menetap di luar bandar adalah penting dengan adanya kepelbagaian aktiviti seperti yang di jelaskan oleh Ellis (1998) dan gambaran dalam kerangka strategi kehidupan untuk terus kukuh dalam meningkatkan taraf kehidupan dari dibelenggu masalah kemiskinan.

Migrasi juga merupakan salah satu strategi bagi meningkat taraf hidup isi rumah. Dengan erti lain Iban menggunakan konsep *bejalai* sebagai strategi kehidupan untuk mencapai lima aset yang dijelaskan dalam kerangka strategi kehidupan seperti harta manusia, harta kewangan, harta fizikal, harta sosial dan harta semula jadi. Strategi kehidupan ini boleh dianggap bukan semata-mata untuk mencari sumber kewangan yang tunai malahan sumber kewangan bukan bentuk tunai juga dititikberatkan. Bahagian ini akan lebih jelas dan terperinci dalam dapatan kajian melalui data-data yang diperolehi semasa penyelidikan bagi melihat kebergantungan setiap elemen harta dalam kehidupan masyarakat Iban di Tawau.

Menurut Siddiqui (2003) migrasi adalah salah satu strategi yang diguna pakai oleh golongan berpendapatan rendah di Negara Bangladesh untuk meningkatkan sumber pendapatan di mana seseorang individu melakukan perubahan daripada menjalankan aktiviti pertanian di kampung halaman bermigrasi ke bandar besar atau luar negara untuk mencari peluang pekerjaan bagi meningkatkan taraf kehidupan serta untuk mengubah kehidupan dari terus dibelenggu kemiskinan di tempat asal.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan sejarah budaya migrasi komuniti Iban dan latar belakang komuniti Iban di Sarawak dan di Sabah untuk dijadikan sebagai panduan kepada kajian penyelidikan. Bab ini juga turut melihat institusi budaya *bejalai* sebagai salah satu faktor wujudnya penempatan komuniti Iban luar daripada negeri asal seperti di Negeri Sabah. Dalam Bab ini juga turut melihat kajian-kajian lepas sebagai rujukan kepada pengkaji untuk melihat keperluan kajian serta maklumat-maklumat penting untuk kerja penyelidikan di lapangan.

2.2 Budaya *Bejalai* (Migrasi)

Kehidupan dan budaya kaum Iban yang sentiasa berhijrah dari satu tempat ke satu tempat secara tidak langsung mewujudkan satu fenomena migrasi khususnya kepada kaum Iban. Keberlangsungan ini disebabkan budaya kaum Iban yang menggalakan lelaki untuk keluar dari perkampungan bagi meneroka kawasan baru, keluar beperang (ngayau) yang diamalkan pada masa dahulu dan keluar merantau bagi mencari sumber kekayaan untuk meningkatkan taraf sosial individu tersebut. Penerapan budaya ini telah menjadi contoh kepada individu yang lain untuk ikut serta dalam *bejalai* dan kaum lelaki lebih ketara keluar bekerja semasa sektor pembalakan diusahakan secara meluas di Sarawak.

Pada awal tahun 1870, Negeri Sarawak lebih dikenali dengan negeri yang kaya dengan sumber kayu balak dan menjadi pengeksport kayu balak yang utama ke Hong Kong. Dalam survei yang dijalankan oleh Sutlive (1978) ke atas 37 rumah panjang di daerah Sibu, hampir

setiap rumah panjang yang penduduknya bekerja dalam sektor perkayuan. Hasil survei menunjukkan lebih daripada 1000 orang bekerja dengan Jabatan Perhutanan di Sibu dan selebihnya bekerja di Miri, Bintulu, Tawau Sabah dan Kalimantan. Menurut Sutlive (1978) bagi merekrutkan pekerja atau membantu mencari pekerja untuk bekerja dalam sektor ini sering kali dilakukan oleh agen pekerjaan dari komuniti Iban yang mengambil ahli keluarga atau rakan-rakan untuk bekerja. Hasil dari merekrut pekerja tersebut, agen akan menerima komisen bagi setiap individu tersebut. Penglibatan komuniti Iban dalam pembalakan menyebabkan hampir semua kawasan di Sarawak dan di Sabah menggunakan tenaga pekerja kaum Iban untuk bekerja dengan syarikat pembalakan.

Budaya *bejalai* (Pringle, 2010) ini juga penting untuk menggantikan aktiviti pemenggalan kepala oleh komuniti Iban yang telah diharamkan oleh Brooke sebagai suatu strategi untuk mengamankan perbalahan antara kaum. Di mana komuniti Iban di Saribas mula mencari sumber hutan bagi sumber kekayaan mereka untuk mendapatkan *tajau* atau tempayan *(old jars).* Pringle (2010) juga turut menyatakan bahawa komuniti Iban Saribas yang belayar ke Putatan Sabah telah membawa balik 16 *tajau.* Budaya pemenggalan kepala secara perlahan mula tidak diamalkan oleh komuniti Iban kerana lebih cenderung untuk mencari sumber kekayaan dan martabat sosial yang tinggi dalam komuniti Iban.

Pada masa dahulu, semakin banyak *tajau* mahupun gong dimiliki oleh seseorang membuktikan seseorang tersebut kaya dan dihormati. Dalam kajian yang dilakukan oleh Jensen (1974) pada tahun 1963 di Rumah Panjang Melintang dan Rumah Panjang Ancheh menunjukkan 43 orang yang *bejalai* adalah berada di luar Sarawak seperti Sabah, Brunei, Singapura dan Malaya. Budaya *bejalai* ini tidak hanya untuk semata-mata mendapat *tajau* dan gong seperti yang dijelaskan oleh Jensen tetapi mula membeli barangan seperti mesin

jahit, enjin sangkut dan gen-set. Menurut Pringle (2010) semasa mengikuti satu upacara meraikan kepulangan orang dari *bejalai*. Pada awal tahun 1970 beliau memerhati dua orang adik beradik yang berasal dari Nanga Ngemah, Kanowit yang bekerja sebagai tukang tebang kayu balak di Sabah yang balik dari *bejalai* membawa sejumlah wang yang besar untuk dimasukan di bank Sibu. Sebahagian wang digunakan untuk membeli gen-set untuk kegunaan rumah panjang dan masa tersebut penggunaan gen-set adalah sesuatu benda yang baru di Kanowit. Selain ini terdapat dua individu yang dikenali sebagai Uyut anak kepada Penghulu Garran dari Paku dan Nyanggau dari Nanga Buong Paku merupakan individu pertama yang telah *bejalai* ke Pahang dan membantu pasukan polis dalam melawan pemberontakan di Bentong Pahang (Sandin, 1994). Destinasi *bejalai* komuniti Iban kedua-dua rumah panjang tersebut adalah seperti dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Destinasi Perjalanan *Bejalai* Dalam Kalangan Orang Iban

Rumah Panjang	**Destinasi *Bejalai***				**Jumlah *Bejalai***
	Sarawak	**Sabah (Borneo Utara)**	**Brunei**	**Singapura dan Malaya(Semenanjung Malaysia)**	
Rumah Melintang (daripada 34 lelaki dewasa)	10	8	8	4	30
Rumah Ancheh (daripada 38 lelaki dewasa)	9	7	12	4	32
Jumlah (daripada 72 orang lelaki dewasa)	19	15	20	8	62

Sumber : Erik Jensen (1974)

Menurut Peter Kedit (1993) budaya *bejalai* ini lebih diamalkan oleh kaum lelaki berbanding dengan kaum wanita kerana tidak banyak pekerjaan yang boleh dilakukan oleh kaum wanita jika keluar *bejalai* dari rumah panjang. Tambahan pula, tidak sesuai untuk kaum wanita yang

belum berkahwin untuk keluar *bejalai* disebabkan wujudnya tanggapan wanita yang keluar *bejalai* ini akan terlibat dalam aktiviti tidak bermoral seperti pelacuran dan keluar untuk mencari calon suami. Namun bagi yang telah berkahwin akan keluar *bejalai* untuk menemani suami manakala bagi wanita yang muda hanya keluar menemani keluarga yang keluar *bejalai.*

2.3 Latar Belakang Komuniti Iban Di Sabah

Kedatangan komuniti Iban di Sabah adalah sebelum era pemerintah Syarikat Berpiagam Borneo Utara (SPBU), namun kewujudan komuniti ini amat dialukan dan telah mengambil komuniti ini bekerja dengan SPBU. Jumlah populasi komuniti Iban yang berada di Borneo Utara atau Sabah berdasar catatan maklumat oleh SPBU bermula dari tahun 1891 sehingga 1931 (I.D Black, 1969). Jumlah keseluruhan populasi komuniti Iban dari 1891 sehingga 1931 adalah 2523 orang. Maklumat tersebut dapat dilihat berdasarkan kerangka jadual pada Rajah 2.1.

Tahun	Jumlah Populasi
1891	135
1901	542
1911	505
1921	654
1931	687

	Dewasa	Kanak-Kanak
Lelaki	356	58
Perempuan	22	69

Sumber: Bancian 10th /11th March 1911 British Borneo Utara

(Handbook of the State of British North Borneo1921:112)

Rajah 2.1: Jadual Jumlah Populasi Komuniti Iban Pada 1891 Sehingga 1931.

Sumber: Ward (1969:245)

Merujuk Rajah 2.1 bancian pada bulan March 1911 jumlah komuniti Iban lelaki dewasa adalah 356 orang dan perempuan dewasa adalah 22 orang manakala jumlah kanak-kanak adalah 127 orang (lelaki 58 dan perempuan 69). Komuniti Iban ini masuk ke wilayah SBU adalah melalui laut yang berhenti di pelabuhan milik SPBU termasuk juga segelintir melalui Lawas dan sungai Mengalong (Black, 1969).

2.3.1 Komuniti Iban di Tawau

Dalam kajian yang lepas, Langub (2011) Merotai, Tawau merupakan salah satu penempatan Iban yang terbesar di Negeri Sabah dan kewujudan penempatan ini adalah disebabkan faktor budaya *bejalai* bermula pada tahun 1940. Pelbagai faktor tarikan di daerah Tawau antara penyebab komuniti migran Iban terawal terus menetap di Tawau seperti Lulut Anak Junggai disebabkan faktor kemudahan infrastruktur yang lebih jauh berbanding penempatan asal beliau di Sarawak.

Menurut Soda (2011), selain daripada kawasan perkampungan Merotai, sebuah perkampungan Melayu atau perkampungan Muslim di Tawau iaitu di Tanjong Batu terdapat sebahagian penduduk di perkampungan tersebut adalah orang Iban. Namun hampir semua komuniti Iban di kampung Tanjong Batu telah berkahwin dengan Melayu tempatan dan memeluk agama Islam. Dalam kajian pada tahun 2004, Soda turut menyatakan bahawa Ketua Kampung di Tanjong Batu adalah berdarah campur di mana ayah kandung ketua kampung tersebut adalah Iban dan ibu kandung adalah Melayu dari Tawau.

Selain itu, satu kajian turut pernah dijalankan oleh Amrullah Maraining (2013) berkenaan Sejarah migrasi dan petempatan komuniti Iban di daerah Tawau, Sabah 1940-2011 di mana kajian beliau melihat kedatangan komuniti migran dari segi perspektif sejarah migrasi komuniti Iban di Tawau. Kajian beliau telah mengupas sejarah kedatangan komuniti Iban

melibatkan migrasi dua era yang berbeza sebelum dan selepas merdeka yang dipengaruhi oleh sektor pembalakan.

Bagi Florence Anak Bayak (2006) juga turut menjadikan perkampungan Iban Kuala Nansang sebagai satu kawasan kajian bagi penulisan ilmiah beliau dimana beliau telah melihat aspek sejarah migrasi, petempatan dan perubahan dikalangan penduduk Iban di Kuala Nansang. Beliau telah merumuskan bahawa kedatangan komuniti Iban ke Tawau Sabah atas faktor ekonomi bagi mencari pekerjaan supaya taraf hidup mereka lebih baik berbanding di Sarawak dan dari segi sosial budaya, komuniti Iban di Kuala Nansang masih mengekalkan identiti mereka sebagai Iban.

2.4 Kesimpulan

Bab 2 ini telah memperlihatkan gambaran kedatangan komuniti Iban ke Sabah di mana salah satu budaya sosial komuniti Iban digunakan iaitu *bejalai* dan melalui sorotan literatur serta kajian lepas dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji untuk melihat perspektif yang belum dikaji oleh pengkaji lepas.

BAB 3

LATAR BELAKANG KAWASAN KAJIAN DAN METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab tiga ini membincangkan mengenai metodologi kajian dan menjelaskan latar belakang komuniti Iban, kawasan kajian yang dipilih iaitu Daerah Tawau, Sabah. Penyelidikan awal dilakukan dengan melalui kaedah pengumpulan data primer dan data sekunder yang dijalankan ke atas responden yang merupakan Iban yang mendiami kawasan Tawau. Bagi memperolehi data sekunder, pengkaji telah berurusan dengan pihak Universiti Malaysia Sabah dan dokumen yang berada dalam simpanan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Merotai dan Kuala Nansang. Data primer pula diperolehi daripada kajian yang dijalankan di lapangan iaitu di dua buah kawasan kajian iaitu di Kampung Merotai, Tawau dan Kampung Kuala Nansang, Tawau.

Selain itu, bab ini juga menjelaskan tentang pemilihan sampel kajian, kaedah pemprosesan dan penganalisisan data dan juga kaedah temubual berstruktur. Bab ini turut merangkumi maklumat mengenai latar belakang Daerah Tawau dan profil kedua-dua kampung yang terpilih menjadi lokasi kajian, sejarah, taburan isi rumah, ekonomi penduduk dan kemudahan sosial. Penyelidikan Kuantitatif yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada istilah “Kuantiti” membawa erti berapa banyak atau bilangan iaitu merujuk kepada bilangan yang diskrit yang dinyatakan dengan tepat. Maka, penyelidikan kuantitatif melibatkan data numerikal dan ketepatan dan adalah berdasarkan kaedah penyelidikan inkuiri positivis yang mana penyelidikan dilakukan melalui kajian data numerikal untuk analisis statistik.

3.2 Latar Belakang Komuniti Migran Iban

Dalam sejarah lisan komuniti Iban adalah berasal daripada Batang Kapuas Kalimantan Barat Indonesia (Sandin, 1967). Komuniti ini mula masuk ke Sarawak dengan menyusuri anak sungai antara Batang Kapuas dan Batang Lupar pada pertengahan abad ke-16 dan menjadikan Batang Undup sebagai penempatan terawal komuniti Iban di Sarawak. Batang Undup ini terletak di bahagian kedua Sarawak atau Sri Aman. Beberapa generasi yang telah menetap di Batang Undup kemudiannya mula berpindah keluar ke bahagian utara, timur dan barat wilayah Sarawak termasuk bahagian pertama Sarawak (Padoch, 1982).

Pada awal tahun 1800, komuniti Iban dari bahagian kedua telah bermigrasi ke Sungai Rejang dan kebanyakan komuniti ini adalah menyusuri dari Batang Lupar dan Sungai Saribas. Pada masa kini kawasan komuniti Iban di Rejang ini telah dibahagi kepada bahagian Sibu, Sarikei dan Kapit. Selain dari kawasan Rejang, komuniti Iban yang lain telah berpindah ke kawasan Katibas yang rata-ratanya adalah komuniti Iban dari Batang Ai iaitu kawasan hulu sungai Batang Lupar, Kalimantan Barat atau kini lebih dikenali sebagai Indonesia kemudian diikuti dari Leboyan dan Kanyau (Padoch, 1982).

Berdasarkan penulisan Padoch (1982), sebilangan besar komuniti Iban telah berpindah dan menetap di kawasan Oya dan sungai Mukah pada tahun 1870. Kemudian secara perlahan komuniti Iban mula bergerak ke Balingian, seterusnya ke kawasan Bintulu iaitu Tatau dan Kemena. Pada tahun yang sama komuniti Iban mula berpindah ke hilir sungai Baram. Pada tahun 1901 komuniti Iban turut memenuhi kawasan di sungai Limbang dan sebahagian komuniti telah menetap di kawasan Baleh pada tahun 1922. Mengikut perancangan Brooke, komuniti Iban sepatutnya telah berpindah ke kawasan Suai, Niah dan Sibuti sebelum komuniti Iban bergerak ke sungai Limbang. Namun kawasan kawasan Suai, Niah dan Sibuti

mula didiami komuniti Iban pada tahun 1927 dan kerajaan Brooke juga turut membiayai komuniti Iban pada tahun 1955 untuk berpindah ke kawasan Lundu.

Pada mulanya kaum Iban juga pernah dikenali sebagai Dayak Laut atau *Sea Dayak*. Gelaran Dayak Laut telah dicetus oleh Raja Putih Pertama Sarawak, James Brooke bagi membezakan Iban dengan kaum Bidayuh yang turut dikenali sebagai Dayak Darat atau *Land Dayak* yang tinggal di kawasan bukit (Pringle, 1970). Brooke ingin meluaskan empayar beliau di kawasan Batang Lupar, Saribas dan Sungai Skrang yang rata-ratanya sepanjang sungai kawasan tersebut didiami oleh Dayak Laut. Namun Brooke agak sukar untuk menakluk kumpulan Dayak Laut agar tunduk untuk menyertai pemerintahan di bawah kerajaan Brooke dan telah menggunakan pembesar Melayu atau Melayu Arab yang berkuasa di sepanjang sungai tersebut bagi mengumpulkan orang-orang Dayak Laut (Andaya). Pembesar Melayu ini berkuasa dalam memungut cukai bagi pedagang-pedagang yang lalu di sepanjang sungai Batang Lupar, Saribas dan Sungai Skrang dan menggunakan sifat agresif Dayak Laut untuk mempertahankan kepentingan mereka.

Pada ketika itu budaya pemenggalan kepala (ngayau) amat kuat dipratik oleh Dayak Laut. Bagi kepercayaan kaum Iban aktiviti keluar mencari musuh dan pemenggalan kepala merupakan salah satu adat kepada *bujang berani* sebagai tanda keberanian. Budaya mengembara dan sifat berani berperang telah menggalakan Dayak Laut menyertai orang-orang Melayu menyerang perkampungan persisiran pantai dan juga kapal-kapal yang lalu di kawasan taklukan mereka.

Wujudnya pandangan penggunaan istilah Dayak Laut juga dianggap kurang sesuai merujuk kepada kaum Iban secara asasnya kerana kehidupan, budaya dan tradisi kaum Iban tidak begitu berkait rapat dengan persekitaran laut mahupun tebingan pantai. Kaum Iban lebih

dikaitkan dengan persekitaran daratan, hutan dan tanah yang turut mempengaruhi adat resam dan budaya kaum Iban seperti penanaman padi. Perkaitan ini diperkukuhkan antara kaum Iban dan persekitaran darat dengan aktiviti penanaman padi merupakan salah satu kepercayaan yang kuat tentang kewujudan roh nenek moyang dalam tanah dan benih padi tersebut (Kedit, 1993).

Kebanyakan kaum Iban di Sarawak menjalankan aktiviti pertanian terutamanya dalam penanaman padi bukit. Kaum Iban sangat sinonim dengan kegiatan pembukaan kawasan hutan rimba secara meluas (berimba) bagi proses penanaman padi secara besar-besaran. Tanggapan kaum Iban hasil tuaian yang banyak menjadi ukuran kepada taraf hidup sesebuah keluarga kerana sesiapa yang mendapat banyak hasil tuaian padi dianggap kaya-raya. Tanggapan ini telah mewujudkan satu proses yang menjana semangat sesebuah keluarga bagi membuka kawasan yang baru dengan lebih luas agar memboleh hasil tuaian yang banyak dan akrab menanam padi setiap tahun yang nyatanya kini masih turut bergantung dengan penanaman padi. Pendirian Sutlive (1978) yang menganggap kaum Iban sangat terkenal dengan penanaman padi bukit membuktikan bahawa kaum Iban ini sangat penting dalam aktiviti penanaman padi.

Aktiviti pembukaan kawasan hutan rimba yang baru menyebabkan kaum Iban dikaitkan dengan hidup secara berpindah randah dari satu kawasan ke kawasan yang baru secara konsep tebang dan bakar (Freeman, 1955). Penerokaan ini dianggap penting bagi mendapat kawasan yang subur untuk penanaman padi kerana kawasan yang lama dianggap sudah tidak sesuai dikhuatiri memberi hasil yang tidak banyak kepada mereka. Kaum Iban juga berpindah ke kawasan baru memudahkan mereka untuk mencari hasil hutan dan sumber makanan seperti memburu, mendapatkan ikan dan makanan semulajadi dari hutan. Kaedah

ini merupakan salah satu strategi kehidupan bagi kaum Iban bagi meningkatkan taraf sosial sesebuah isi rumah.

3.3 Latar Belakang Kawasan Kajian

Dua buah kampung komuniti Iban di Tawau telah dipilih sebagai kawasasan kajian kepada penyelidikan ini iaitu Kampung Iban di Merotai dan Kampung Iban Kuala Nansang.

Kampung Iban Merotai

Kampung Iban Merotai terletak 35 kilometer dari Pusat Bandar Tawau. Jumlah KIR adalah 160 orang dan jumlah populasi adalah 1100 orang. Kampung ini dibawah Ketua Kampung Merotai Lulot Anak Junggai. Sejarah kampung Iban ini telah dibuka oleh seorang lelaki Iban yang dikenali sebagai Bunsu Anak Abak. Beliau merupakan orang Iban pertama yang bermigrasi dari Sarawak ke Merotai Tawau dan disebabkan beliau wujudnya sebuah penempatan Iban yang tetap.

Kampung Iban Kuala Nansang

Perkampungan Iban Kuala Nansang terletak 45 kilometer dari Pusat Bandar Tawau dan jarak dari Lapangan Terbang Tawau adalah 20 kilometer. Kampung ini dibawah Ketua Kampung John Slutan dengan jumlah KIR 58 orang dan jumlah populasi adalah 300 orang. Kampung Iban Kuala Nansang dibuka secara rasminya pada 24 Mac 1988 yang dirasmikan oleh YB. Datuk A. Bahrom B. Datuk Hj. A. B. Titigan yang ketika itu merupakan Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah. Perkampungan ini terletak di bawah Skim Rancangan Apas Balung yang diurus selia oleh Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (LKTNS) atau Sabah Land Development Berhad (SLDB).

3.4 Kaedah Pemilihan Sampel Kajian

Kajian ini dilaksanakan di Daerah Tawau yang melibatkan dua buah perkampungan kaum Iban di Tawau iaitu Kampung Merotai dan Kampung Kuala Nansang. Secara amnya, prosedur persampelan dalam penyelidikan dilakukan dengan menentukan kerangka persampelan terlebih dahulu, diikuti dengan pemilihan sampel kajian daripada kerangka persampelan tersebut dan seterusnya ujian statistik dilakukan ke atas sampel tersebut. Istilah populasi adalah merujuk kepada seluruh kumpulan yang akan dikaji, manakala kerangka persampelan merujuk kepada satu senarai elemen populasi yang akan dibuat persampelan (Piaw, 2014). Dalam kajian ini satu senarai ketua isi rumah yang masih merupakan kaum Iban tulen dikenal pasti terlebih dahulu. Seterusnya, sampel yang merujuk kepada sebahagian elemen dalam populasi dipilih menjadi sampel kajian yang terdiri daripada responden yang berbangsa Iban tulen sahaja.

3.5 Prosedur Persampelan Rawak Berlapis

Kedua-dua prosedur persampelan rawak sistematik dan persampelan rawak mudah memerlukan rangka persampelan yang mengandungi subjek-subjek yang homogenus. Jika rangka persampelan adalah heterogenus, iaitu mempunyai subsampel seperti jantina, bangsa, status sosio-ekonomi dan sebagainya yang berbeza, prosedur persampelan rawak berlapis (*stratified random sampling procedure)* boleh digunakan untuk memperoleh satu sampel rawak. Kelebihan prosedur persampelan rawak berlapis ialah ralat persampelannya lebih kecil daripada ralat yang wujud daripada prosedur persampelan rawak sistematik dan persampelan rawak mudah, (Piaw, 2014).

Prosedur persampelan rawak berlapis bererti melakukan pemilihan rawak secara berasingan bagi setiap subkumpulan dalam populasi dan pemilihan sampel secara rawak mudah dalam setiap kumpulan tersebut dilakukan sehingga saiz sampel yang dikehendaki diperolehi (sebagai contoh, 30 subjek dalam setiap kumpulan). Pemilihan juga boleh dibuat untuk subsampel-subsampel yang mempunyai saiz sampel yang berbeza, di mana setiap subsamplel mengandungi bilangan subjek tertentu dalam setiap subsampel, prosedur persampelan tersebut dikenali sebagai persampelan rawak berlapis secara kuota. Di sini pengkaji menentukan bagi kedua - dua lokasi kajian untuk subpopulasi yang diperlukan adalah sebanyak 60 saiz sampel. Oleh yang demikian, pengkaji memilih secara rawak untuk setiap subsampel dari setiap lokasi sebanyak 50% Kampung Merotai dan 50% subsampel dari Kampung Kuala Nansang mengikut kadar setiap subpopulasi masing-masing secara berasingan sehingga kuotanya tercapai (Piaw, 2014).

Oleh kerana prosedur persampelan dalam setiap subsampel adalah rawak, maka sampel akhir yang terdiri daripada subsampel-subsampel tersebut sebenarnya merupakan satu sampel rawak. Dalam kajian ini saiz sampel yang digunakan sebagai data kajian adalah sebanyak 68 orang terdiri daripada Bangsa Iban asli yang bukan komuniti Iban yang daripada generasi kahwin campur.

Keseluruhan jumlah responden berdasarkan persampelan ini adalah perlu bagi mendapatkan data kajian yang sahih untuk mewakili jumlah populasi untuk subpopulasi iaitu secara keseluruhan di kedua-dua kampung adalah 68 responden secara persampelan rawak bagi setiap tempat kajian lapangan iaitu 30 responden daripada Kampung Merotai dan 38 responden adalah daripada Kampung Kuala Nansang di Tawau.

Seterusnya, berdasarkan keseluruhan jumlah responden seperti yang dinyatakan dalam Bab 3 sampel ini adalah perlu bagi mendapatkan data kajian yang sahih bagi mewakili subpopulasi kajian untuk kedua-dua kampung berkenaan. Kajian lapangan yang dijalankan di kedua-dua kampung masyarakat Iban di Tawau ini telah diadakan bermula 19 Julai 2010 sehingga 21 Febuari 2011. Kajian ini dilakukan dengan kerjasama Ketua Kampung dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) termasuk penduduk kampung. Maklumat responden dan aspek demografi masyarakat di kedua-dua kampung masyarakat Iban tersebut amat penting bagi tujuan analisis data dengan lebih mendalam berdasarkan temu bual yang dijalankan.



Rajah 3.1: Sampel rawak yang dipilih daripada prosedur persampelan rawak berlapis secara kuota.

Sumber : Diubahsuai dari Piaw, (2014)

3.6 Kaedah Pengumpulan, Pemprosesan dan Penganalisisan Data

Kaedah pemprosesan dan penganalisisan data merupakan suatu perkara yang perlu dilaksanakan oleh pengkaji dalam suatu kajian. Teknik pengumpulan data bagi kajian ini diperolehi melalui dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder.

3.6.1 Data Primer

Data primer adalah sumber utama kajian di mana pengkaji mendapatkan data mentah dari kajian lapangan iaitu maklumat hasil dari borang soal selidik dan temubual dari informan-informan kajian. Sumber primer juga adalah sumber yang dipetik daripada penerbitan penulis asal yang membuat kajian sesuatu kajian seperti artikel jurnal, tesis mahupun laporan kajian asal. Petikan daripada sumber primer ini sering diulas sebelum diterbitkan semula dalam artikel atau buku sebagai sumber sekunder (Talib, 2013b).

i) Borang Soal Selidik

Data primer iaitu maklumat daripada 68 responden berdasarkan borang soal selidik dan temu bual akan dianalisis mengikut lima bahagian yang terdapat dalam borang soal selidik iaitu Bahagian A: Maklumat Responden, B: Maklumat Isi Rumah, C: Keagamaan, D: Hubungan dengan Penduduk Bukan Iban dan E: Pemilikan dan Guna Tanah. Soalan yang dikemukakan kepada responden adalah berbentuk soalan terbuka dan soalan tertutup. Umumnya, data yang diperoleh dapat menggambarkan corak kehidupan dan amalan budaya kaum Iban di Tawau.

Borang soal selidik yang dikumpul kemudiannya diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences (SPSS).* Semua data tersebut dianalisis dan hasil dapatan diperoleh bagi menjawab objektif kajian penganalisisan data statistik dengan menggunakan perisian SPSS untuk penerangan secara statistik deskriptif. Data deskriptif ini akan ditunjukkan dalam bentuk graf atau jadual mengikut kesesuaian data termasuk juga data dalam peratusan dan taburan kekerapan yang akan dihuraikan secara terperinci.

ii) Temu Bual

Kahn dan Cannell (Marshall & Rossman, 1957) mendefinisikan temubual sebagai ‘perbualan dengan persetujuan’ *(Conversation with a purpose).* Tujuan utama temu bual adalah untuk mendapatkan maklumat yang khusus (Lebar, 2012).

a) Temu Bual Semi Berstruktur

Pada asasnya temu bual semi berstruktur menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri-ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur. Soalan-soalan dalam temu bual semi berstruktur ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemu bual dan partisipan. Bagi Schensul et al. (1999), temu bual semi berstruktur adalah yang terbaik untuk meneroka dan menjelaskan faktor-faktor dan subfaktor-subfaktor (Lebar, 2012).

b) Merekod dan Menilai Data Temu Bual

Terdapat tiga cara asas merekod data temu bual yang digunakan dalam kajian ini iaitu rakaman video, mengambil nota semasa temu bual dan yang ketiga pula merekod seberapa banyak maklumat temu bual yang dapat diingat selepas sahaja tamat temu bual dijalankan. Nota pasca temu bual membolehkan penyelidik memantau proses pengumpulan data di samping mula menganalisis maklumat. Transkripsi rakaman temu bual sepenuhnya juga dilakukan serta boleh menjadi pangkalan data terbaik (Lebar, 2012).

Temu bual yang berkesan perlu dirancang dengan baik dengan mengambil kira penyediaan panduan temu bual seperti protokol atau skedul temu bual. Hubungan antara penemu bual dan partisipan dalam temu bual adalah merupakan proses yang kompleks. Interaksi semasa

proses temu bual perlu dibina sejak dari permulaan hinggalah ke akhir temu bual dengan mengekalkan hubungan yang berasaskan percaya mempercayai dalam situasi yang selesa (Lebar, 2012).

Data temu bual yang kaya dan banyak perlu disusun atur dengan mempastikan maklumat yang signifikan dan penting dapat dianalisis bagi membentuk kategori, tema dan konsep yang sesuai. Bagi tujuan untuk memastikan maklumat temu bual adalah tepat dan sebagaimana yang dimaksudkan oleh partisipan, langkah-langkah mengesahkannya perlu dilakukan iaitu dengan melalui proses dan prosedur triangulasi (Lebar, 2012).

Oleh itu, hasil temu bual berdasarkan audio yang telah direkod dari kajian lapangan bersama Tuai Rumah Lulot dan Tuai Rumah John Slutan turut didokumenkan sebagai data triangulasi bagi menyokong hasil dapatan kajian.

3.6.2 Data Sekunder

Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji menggunakan data sekunder daripada pelbagai sumber dokumen yang penting untuk penulisan ini. Sumber pengumpulan maklumat tersebut diperolehi daripada perpustakaan, internet dan juga daripada kawasan kajian.

i) Analisis Dokumen

Bagi memahami sejarah serta konteks persekitaran tempat kajian, satu daripada caranya adalah dengan mengkaji dan menganalisis dokumen dan rekod tersebut bukan sahaja mengandungi pelbagai maklumat statistik tentang pelbagai aspek kehidupan populasi yang dikaji tetapi juga mengandungi maklumat tentang kepercayaan, budaya serta nilai yang dimiliki dianuti oleh masyarakat tempat yang dikaji. Maklumat yang diperoleh daripada dokumen-dokumen tersebut boleh menambah dan menjelaskan data dan maklumat yang

diperolehi dan yang dianalisis melalui pemerhatian dan temu bual, pendekatan ini tidak menonjol dan tidak mengganggu latar kajian.

3.6.3 Analisis Data Kualitatif

Mengikut Marshall & Rossman (1999), pada asasnya, prosedur analisis data terbahagi kepada enam fasa a) menyusun atur data; b) menjana kategori, tema dan pola; c) mengekod data; d) menguji kefahaman yang timbul; e) mencari penerangan alternatif; dan menulis laporan. Bagi Merriam (2002) pula, peringkat analisis terbahagi kepada tiga peringkat utama iaitu pernyataan deskriptif, pembinaan kategori dan pembinaan teori.

i) **Penggunaan Komputer Dalam Analisis Data Kualitatif**

Terdapat beberapa pendekatan atau tradisi teoritikal yang boleh dipilih dalam menganalisis data yang sesuai dengan tujuan dan persoalan kajian. Terdapat beberapa pakej perisian komputer yang digunakan untuk mengurus dan menganalisis data kualitatif. Biasanya perisian komputer ini akan membantu penyelidik dalam mengenal pasti segmen teks, meletakkan label-label kategori segmen dan menyusun atur semua segmen teks yang berkaitan dengan kategori-kategori spesifik. Pakej data analisis kualitatif yang popular adalah seperti NUD*IST, ATLAS.ti, NVivo, Ethnograph, WinMax.

Pakej analisis adalah alat yang boleh membantu penyelidik tetapi tidak boleh menggantikan elemen “manusia” dalam penyelidikan. Pakej tersebut tidak mampu membuat analisis yang sebenar kerana ianya kurang kapasiti untuk berfikir, mereflek dan menganalisis. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan perisian computer ATLAS.ti untuk membantu proses analisis hasil kajian (Lebar, 2012).

a) Perisian Computer Analysis Qualitative Data Analysis (CAQDAS) ATLAS.ti

Perisian ATLAS.ti sebagaimana CADQAS yang lain dibina bagi membantu penyelidik mendapatkan maklumat tersirat di sebalik data kualitatif secara sistematik. Tugas utama ATLAS.ti adalah menyediakan alat bagi memudahkan kod diproses dan dikategorikan mengikut tema dalam bentuk visual dan *network* bagi tujuan tafsiran. ATLAS.ti berasal dari perkataan Jerman "Archiv fur Technik, Lebenswelt und Alltagssprache" atau dalam Bahasa Inggeris membawa maksud *"Archive for Technology, the Life World and Everyday Language".* Terdapat penambahan TI selepas ATLAS yang membawa maksud "Text Interpretation" yang menjadikan sebutan menjadi *"Atlas tee eye".* Projek ATLAS (1989–1992) dijalankan oleh Technical University of Berlin dan projek ini telah mejadi prototaip perisian ini. Pada tahun 1993, ATLAS versi komersial dihasilkan dengan nama ATLAS.ti.

Perisian ATLAS.ti yang ringkas memudahkan pemprosesan data kualitaitf dilakukan secara manual dengan menandakan satu pernyataan pada traskrip, audio, foto atau video dan klik pada kod yang sesuai. ATLAS.ti berupaya mengekod teks termasuk dari format PDF, imej, video dan audio. Seterusnya membuat link mudah dengan *"drag & drop"* serta boleh menghasilkan model visual melalui network. Hermenutic Unit atau ringkasnya HU yang membawa maksud *"interpretation"* adalah satu unit projek atau penyelidikan yang melibatkan data kualitatif yang memerlukan pentafsiran.

Pengekodan dilakukan setelah pengumpulan data temubual ditranskrip dan disemak semua secara keseluruhannya. Pengekodan adalah langkah terawal yang dilakukan dengan kesemua fail-fail dalam projek HU bagi membentuk kategori yang dapat menjawab persoalan kajian. Teks temubual yang telah ditranskrip dalam *Words* serta fail-fail sokongan lain yang digunakan untuk triangulasi seperti imej, video dan audio disimpan dalam *Hermeneutic Unit*

(HU). Manakala kesemua fail yang terdapat dalam HU ini dikenali sebagai *Prime Document*. Setelah langkah mengimport data ke HU dijalankan pengekodakan akan dilakukan. Pembinaan kod dan memo bagi fail-fail di mana HU menyimpan *"pathways"* semua fail tersebut dibentuk dalam bentuk network.

Jadual 3.1: Langkah penggunaan Perisian ATLAS.ti

Data dikumpul di lapangan
Transkrip data
Menyemak data
Membaca keseluruhan teks bagi mendapatkan gambaran keseluruhan teks
Pengekodan
Mengkategorikan kod
Membina sub-tema / tema
Membuat tafsiran
Menyediakan laporan

Sumber: Talib, (2013a).

3.6.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian Kualitatif

Berdasarkan Hammersley & Atkinson (1983), kesahan dalam kajian kualitatif secara ringkasnya boleh dikaitkan dengan sama ada dapatan kajian adalah benar dan pasti iaitu dapatan kajian menggambarkan dengan tepat situasi sebenar. Dapatan kajian juga harus disokong oleh bukti dan tidak ada asas untuk meraguinya. Kesahan dalam konteks ini bukan merujuk kepada data tetapi lebih merujuk kepada inferens yang dibuat daripada data (Lebar, 2012). Dalam konteks penyelidikan kuantitatif konsep kebolehpercayaan berkait dengan soal kebolehsandaran *(dependability)* dan ketekalan *(consistency)* keputusan atau hasil daripada data yang dikumpul. Pelbagai teknik untuk memastikan keputusan adalah tekal antaranya pendirian penyelidik yang perlu menerangkan andaian yang digunakan bagi kajian yang dijalankan pendirian berkaitan dengan subjek yang dikaji, asas dalam memilih partisipan dan deskripsi serta konteks sosial di mana data dikumpul. Selain itu, teknik

triangulasi menggunakan pelbagai metod dalam mengumpul dan menganalisis data. Dalam kajian ini, triangulasi berdasarkan temubual semi berstruktur akan direkodkan melalui rakaman video, nota pasca dan perbualan bersama responden akan ditranskip dalam bentuk dialog. Transkripi ini akan memberi gambaran keseluruhan untuk tujuan pengekodan bagi mengkategorikan kod untuk membina sub-tema/tema. Bagi kajian ini, tema yang dikembangkan adalah berdasarkan tema dialog dalam data transkrip yang dipilih oleh pengkaji iaitu Adaptasi Budaya, Peluang Ekonomi, Pemilikan Tanah dan Hubungan atau Status Sosial berdasarkan analisis deskriptif.

3.6.5 Triangulasi

Menurut Creswell (2004), keperluan membuat triangulasi dalam kajian kualitatif adalah *"Triangulate different data sources of information by examining evidence from the sources and using it to build a coherent justification for themes. If themes are established based on converging several sources of data or perspective from participants, then this process can be claimed as adding to the validity of the study".* Triangulasi bermaksud sumber data yang berlainan bagi memerikasa bukti daripada sesuatu sumber data dan menggunakannya untuk membentuk justifikasi yang koheren untuk tema-tema tertentu. Jika tema yang wujud adalah menumpu kepada beberapa sumber data atau pandangan daripada responden maka proses tersebut boleh dijadikan sebagai menambah kesahan dan kebolehpercayaan terhadap kajian tersebut. Dalam kajian ini kaedah triangulasi yang digunakan adalah melalui temu bual. Kaedah temu bual ini penting bagi mewujudkan suasana yang selesa kepada responden dengan soalan yang diajukan oleh pengkaji dan hasil temu bual ini akan mengukuhkan lagi hasil analisis data yang diperoleh melalui borang soal selidik yang disediakan oleh pengkaji.

3.7 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bab ini telah menerangkan mengenai kawasan dan metodologi kajian yang merangkumi dua buah perkampungan kaum Iban di Tawau, Sabah iaitu Kampung Merotai dan Kampung Kuala Nansang melalui data kuantitatif dan kualitatif. Kajian migrasi kaum Iban ke Tawau, Sabah ini melihat kepada kehidupan penduduk Iban, amalan budaya, bahasa dan lain-lain data yang dapat memberi gambaran menyeluruh mengenai kawasan kajian. Selain itu, bahagian metod kajian juga menerangkan mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan seperti teknik pengumpulan data, instrumen kajian, populasi dan persampelan serta kaedah analisis data statistik yang digunakan.

BAB 4

HASIL KAJIAN ETNIK IBAN DI TAWAU

4.1 Pengenalan

Bab 4 ini menerangkan tentang ciri-ciri demografi masyarakat Iban di Tawau yang merangkumi latar belakang responden, profil sosioekonomi dan kebudayaan masyarakat Iban berdasarkan kedua-dua lokasi kajian iaitu Kampung Merotai dan Kampung Kuala Nansang Tawau, Sabah. Hasil kajian yang diterangkan secara deskriptif ini memfokus kepada profil maklumat responden, maklumat isi rumah, keagamaan, hubungan dengan penduduk bukan Iban dan pemilikan guna tanah. Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini penting untuk menganalisis sejarah budaya *bejalai* masyarakat Iban dan mengenalpasti peluang-peluang seperti peluang ekonomi dan status sosial di Tawau yang membolehkan komuniti Iban mewujudkan penempatan tetap serta meneliti strategi kehidupan dalam memperkukuhkan taraf kehidupan mereka sebagai kumpulan migran yang berjaya dan menjadikan Tawau sebagai penempatan kekal.

4.2 Maklumat Responden Kampung Merotai dan Kampung Kuala Nansang, Tawau

Hasil kajian bertujuan untuk menjawab objektif kajian penyelidik dan mengemukan perbincangan serta cadangan berdasarkan isu-isu yang boleh diketengahkan berpandukan objektif kajian iaitu peranan budaya *bejalai* sebagai institusi budaya dalam membentuk komuniti Iban di Tawau. Peluang-peluang ekonomi yang wujud di persekitaran Tawau yang membolehkan Tawau menjadi salah satu penempatan tetap komuniti Iban termasuk strategi

kehidupan masyarakat Iban dalam memperkukuhkan taraf kehidupan sebagai masyarakat migran di Tawau dari aspek, adaptasi budaya, pemilikan tanah dan status sosial.

4.2.1 Jantina Responden Masyarakat Iban di Kampung Merotai, Tawau

Jadual 4.1: Jantina Responden Masyarakat Iban di Kampung Merotai, Tawau

Kampung Merotai, Tawau		
Jantina	**Jumlah Responden**	**Peratus (%)**
Lelaki	22	73.3
Perempuan	8	26.7
Jumlah	**30**	**100.0**

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Jadual 4.1 menunjukkan peratusan jumlah responden bagi kajian masyarakat Iban di Kampung Merotai Tawau iaitu sebanyak 73.3% yang mewakili 22 responden lelaki manakala 26.7% pula adalah lapan responden perempuan yang mewakili 8 responden sahaja. Bagi pengkaji sasaran utama untuk responden kajian adalah ketua keluarga yang kebanyakannya terdiri daripada kaum lelaki. Pemilihan responden yang dipilih adalah berbangsa Iban dan merupakan ketua keluarga bagi tujuan mendapatkan maklumat lebih mendalam mengenai keturunan dan salasilah keluarga mereka yang bermigrasi ke Tawau, Sabah.

4.2.2 Jantina Responden Masyarakat Iban di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Jadual 4.2: Jantina Responden Masyarakat Iban di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Kampung Kuala Nansang		
Jantina	**Jumlah Responden**	**Peratus (%)**
Lelaki	19	50.0
Perempuan	19	50.0
Jumlah	**38**	**100.0**

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Jadual 4.2 pula menunjukkan peratusan jumlah responden bagi kajian masyarakat Iban di Kampung Kuala Nansang, Tawau iaitu masing-masing jantina lelaki dan wanita mewakili sebanyak 50.0% responden lelaki dan 50.0% responden perempuan yang mewakili 19 responden bagi kedua-dua jantina. Responden ini turut dipilih secara rawak untuk mewakili keluarga mereka sebagai ketua keluarga. Jumlah responden yang ditemu bual adalah 38 responden.

4.2.3 Tempat Lahir Responden Masyarakat Iban di Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau

Rajah 4.1 dan Rajah 4.2 menunjukkan tempat lahir responden dari Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden masyarakat Iban di Kampung Merotai lebih banyak yang lahir di negeri Sarawak. Peratusan kelahiran yang tertinggi adalah bagi responden yang lahir di Tawau, Sabah iaitu 30% yang mewakili 9 responden. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden yang lahir di Tawau membuktikan bahawa mereka adalah dari generasi komuniti Iban yang terawal bermigrasi atau *bejalai* ke Tawau. Seterusnya, peratusan tempat lahir yang kedua tertinggi adalah di

Kapit iaitu 7 responden dan diikuti Sri Aman adalah 6 responden. Dapatan kajian juga menunjukkan 2 responden lahir di Kota Kinabalu turut membuktikan bahawa komuniti Iban ini turut *bejalai* ke daerah lain di Sabah selain di Tawau dan responden turut menyatakan bahawa pada asalnya kedua-dua ibu bapa mereka *bejalai* ke Kota Kinabalu sebelum berpindah ke Tawau atas faktor peluang ekonomi yang terdapat di Tawau. Manakala Kampung Kuala Nansang pula menunjukkan keseluruhan responden masyarakat Iban yang merangkumi 38 responden tersebut kesemuanya lahir di Negeri Sarawak. Hasil kajian mendapati tempat lahir masyarakat Iban di Kampung Kuala Nansang yang tertinggi adalah di Song 57.9%, diikuti Sri Aman 18% dan Kanowit 10.5%.



Rajah 4.1: Tempat Lahir Responden Komuniti Iban di Merotai

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.1 menunjukkan tempat lahir responden masyarakat Iban di Kampung Merotai, Tawau di mana terdapat tujuh buah kawasan tempat kelahiran yang dinyatakan oleh responden. Merujuk kepada graf bar menunjukkan sebelas ketua isi rumah yang berbangsa merupakan generasi kedua berdasarkan tempat lahir di Negeri Sabah yang merangkumi

Tawau 30% dan Kota Kinabalu 6.7%. Tempat lahir responden yang kedua tertinggi adalah di Kapit iaitu 23.3% yang mewakili tujuh responden. Seterusnya adalah Sri Aman 20.0% mewakili enam responden yang merangkumi tiga orang adalah berasal dari Lubok Antu dan dua orang adalah Engklili. Bagi keempat tertinggi adalah empat orang responden adalah berasal dari Daerah Song atau secara terperincinya responden ini adalah berasal dari kawasan Katibas. Manakala bagi tiga tempat lahir responden yang mempunyai peratusan terendah iaitu sebanyak satu peratus sahaja adalah Kuching dan Sibu, di mana masing-masing mewakili seorang responden sahaja.



Rajah 4.2: Tempat Lahir Responden Masyarakat Iban di Kuala Nansang

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.2 menunjukkan tempat responden masyarakat Iban di Kuala Nansang yang kesemuanya adalah lahir di Negeri Sarawak yang majoritinya adalah dari Bahagian Ketujuh iaitu Bahagian Kapit di mana Daerah Song adalah kawasan kelahiran responden yang tertinggi dengan jumlah dua puluh dua orang responden dengan peratusan sebanyak 57%

dan Daerah Kapit adalah tiga orang responden dengan peratusan sebanyak 7.9%. Bagi responden yang berasal dari Daerah Song adalah melibatkan kawasan perkampungan dari Tekalit, Katibas dan Sungai Lajan manakala responden dari Kapit asalinya adalah dari kawasan Sungai Mujong dan Sungai Sut.

Bagi kedua tertinggi adalah Bahagian Sri Aman dengan jumlah responden sebanyak tujuh orang dengan peratusan 18.4% yang secara terperinci adalah dari kawasan Skrang, Sri Aman. Seterusnya peratusan keempat tertinggi adalah responden berasal dari Kanowit dengan jumlah peratusan 10.5% dengan jumlah empat orang responden yang merangkumi dua orang adalah dari Sungai Ngemah dan Sungai Poi. Manakala bagi dua tempat lahir responden yang mempunyai peratusan terendah iaitu sebanyak satu peratus sahaja adalah Betong dan Sibu, di mana masing-masing mewakili seorang responden sahaja.

4.2.4 Pekerjaan Utama Responden Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau



Rajah 4.3: Pekerjaan Utama Penduduk Kampung Merotai

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Hasil kajian menunjukkan 60% pekerjaan utama responden di Kampung Merotai adalah sebagai petani di Kampung Merotai manakala di Kampung Kuala Nansang hasil dapatan kajian pekerjaan utama bagi kesemua responden adalah 100% adalah petani. Hal ini menunjukkan bahawa amalan kehidupan masyarakat Iban yang telah bermigrasi ke Tawau, Sabah juga masih mengekalkan ciri-ciri utama tradisi kehidupan kaum Iban iaitu bercucuk tanam dan kedua-duanya menunjukkan pekerjaan utama responden adalah sebagai petani.

4.2.5 Kategori Pekerjaan Utama Penduduk Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau



Rajah 4.4: Kategori Pekerjaan Utama Penduduk Kampung Merotai

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.4 menunjukkan kategori-kategori pekerjaan utama masyarakat Iban di Kampung Merotai yang mewakili enam kategori iaitu pekerjaan yang mempunyai peratusan tertinggi

adalah petani sebanyak 60% atau seramai 18 responden. Seterusnya diikuti oleh kategori tidak bekerja sebanyak 13.3% yang mewakili 4 responden dan kategori pekerja swasta pula mewakili 10% iaitu sebanyak 3 responden. Manakala kategori pekerja kerajaan dan lain-lain yang dinyatakan adalah mengusahakan sebagai pemborong hasil tanaman komersil dan mengusahakan perkhidmatan pengangkutan adalah sebanyak 2 responden masing-masing yang mewakili 6.7%. Bagi kategori pekerjaan yang terakhir adalah peniaga iaitu mewakili 3.3% iaitu seorang responden sahaja bagi kajian ini. Manakala bagi Kampung Kuala Nansang pula menunjukkan 100% kategori pekerjaan responden adalah petani.

4.2.6 Sumber Pendapatan Selain Daripada Bekerja dalam Kalangan Responden di Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau

Dapatan kajian menunjukkan terdapat 26.7% jumlah responden yang mewakili 8 responden dari kampung Iban Merotai menyatakan bahawa mereka mempunyai sumber pendapatan lain selain daripada pekerjaan tetap seperti menjalankan perniagaan runcit, perniagaan mencuci kenderaan, pertanian komersial berskala besar iaitu kelapa sawit dan menjalankan perniagaan baik pulih kenderaan. Manakala 73.3% iaitu sebanyak 22 responden menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai sumber pendapatan lain selain daripada bekerja.

Bagi Kampung Kuala Nansang pula dapatan kajian menunjukkan 100% responden tidak mempunyai sumber pendapatan yang lain selain daripada bekerja. Hal ini menunjukkan hanya 8 responden sahaja di Kampung Merotai yang mempunyai sumber pendapatan lain selain daripada bekerja, manakala selebihnya iaitu 22 orang pula mendapatkan sumber pendapatan hasil daripada bekerja. Berdasarkan carta pai 2 pula iaitu untuk Kampung Kuala Nansang pula 100% yang mewakili 39 responden menyatakan mereka tidak mempunyai sumber pendapatan lain dan bergantung sepenuhnya dengan pekerjaan utama mereka adalah

sebagai petani. Namun kegiatan pertanian yang dijalankan oleh petani di Tawau lebih kepada pertanian komersial penanaman Kelapa Sawit berskala besar berbanding dengan pertanian sara diri seperti penanaman padi dan sayur-sayuran.

4.2.7 Pendapatan Bulanan bagi responden Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau



Rajah 4.5: Pendapatan Bulanan Responden Kampung Merotai

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.5 menunjukkan bahawa peratusan tertinggi tahap pendapatan bulanan responden di Kampung Merotai iaitu 20% adalah dibawah RM 250.00 sebulan yang mewakili enam responden daripada tiga puluh responden keseluruhan kajian. Kumpulan yang kedua tertinggi pula adalah pada tahap pendapatan bulanan RM 500.00 yang diwakili oleh empat responden iaitu sebanyak 13.3%. Manakala tiga kumpulan pula mewakili tahap pendapatan bulanan yang ketiga tertinggi iaitu 10% di mana masing-masing diwakili oleh 3 responden bagi RM 250.00, RM 300.00 dan RM 1500.00. Seterusnya, terdapat dua kumpulan yang

mewakili peratusan 6.7% yang mana 2 responden bagi setiap kumpulan tahap pendapatan bulan iaitu RM 700.00 dan juga RM 5000.00. Akhir sekali, tahap pendapatan bulanan terendah bagi tujuh kumpulan yang menunjukkan 3.3% iaitu diwakili oleh seorang responden bagi setiap kumpulan adalah pada tahap RM 400.00, RM 450.00, RM 600.00, RM 650.00, RM 800.00, RM 850.00 dan RM 1900.00. Hal ini menunjukkan rata-rata responden di Kampung Merotai masih lagi memperolehi pendapatan bulanan di bawah tahap pendapatan minimum iaitu di bawah RM 850.00 sebulan berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Malaysia. Manakala terdapat tujuh responden atau isi rumah yang memperolehi pendapatan bulanan di atas RM 850.00 sebulan di mana dua responden responden tersebut memperolehi pendapatan tertinggi iaitu RM 5000.00 sebulan. Kedua-dua responden tersebut mempunyai kerjaya tetap dan mempunyai pendapatan lain seperti hasil jualan kelapa sawit dan menjalankan perniagaan runcit di kawasan Merotai. Ini menunjukkan penanda aras bahawa komuniti yang bermigrasi keluar mampu meningkatkan sumber pendapatan dengan menggunakan peluang yang ada di Tawau seperti tanah. Bagi responden di Kampung Merotai secara puratanya pendapatan gaji adalah RM 840.00.



Rajah 4.6: Pendapatan Bulanan Responden Kampung Kuala Nansang

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.6 menunjukkan pendapatan bulanan bagi responden di Kampung Kuala Nansang iaitu kadar peratusan yang tertinggi adalah 26.3% yang diwakili oleh 10 responden memperolehi pendapatan sebanyak RM 700.00 sebulan. Kedua tertinggi adalah pada kadar 13.2% yang diwakili oleh 5 responden bagi dua kumpulan iaitu masing-masing RM 900.00 dan RM 1000.00. Manakala peratusan yang ketiga tertinggi adalah 10.5% iaitu 4 responden yang memperolehi pendapatan bulanan sebanyak RM 800.00. Bagi kadar peratusan yang keempat pula adalah 7.9% iaitu 3 responden yang memperolehi pendapatan RM 600.00 sebulan. Kadar kelima adalah 5.3% yang diwakili oleh 2 responden bagi dua kumpulan masing memperolehi sebanyak RM 850.00 dan RM 1200.00. Akhir sekali adalah pada kadar 2.6% iaitu sebanyak 7 kumpulan yang diwakili oleh seorang responden setiap satu. Antaranya adalah RM 500.00, RM 660.00, RM 750.00, RM 890.00, RM 950.00, RM 980.00 dan RM 1050.00 bagi kumpulan masing-masing untuk setiap bulan. Hal ini juga

menunjukkan bahawa kebanyakan responden dari Kampung Kuala Nansang ini masih mempunyai kadar pendapatan bulan yang di bawah RM 850.00 sebulan. Di mana hanya 13 responden sahaja yang mempunyai pendapatan di atas kadar gaji minima iaitu RM 850.00 dan kadar pendapatan tertinggi pula hanya mencapai kadar RM 1200.00 bagi 2 orang responden sahaja. Secara keseluruhannya, purata gaji bagi 38 responden di Kampung Kuala Nansang adalah RM 825.78.

Berdasarkan dapatan soal selidik dari segi pendapatan bulanan penduduk Iban Merotai dan Kuala Nansang menunjukkan jumlah pendapatan bulanan responden yang dibawah RM 600.00 dikategorikan sebagai miskin dimana sesebuah isi rumah yang pendapatan bulanan isi rumah adalah di bawah RM 940.00 sebulan dengan pendapatan perkapita di bawah RM 240.00 ke bawah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Malaysia. Faktor ini juga disebabkan penurunan harga kelapa sawit di Tawau.

4.2.8 Taraf Pendidikan Kampung Merotai dan Kampung Kuala Nansang, Tawau



Rajah 4.7: Taraf Pendidikan Responden Dalam Kalangan Penduduk Kampung Merotai, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Berdasarkan Rajah 4.7 terdapat 33.3% yang mewakili sepuluh responden di Kampung Merotai, Tawau yang mendapatkan pendidikan sehingga tamat darjah 6 dan 33.3% juga tidak bersekolah. Manakala terdapat 16.7% yang mewakil 5 orang responden pula tamat tingkatan 3, 10% juga mewakili 3 responden yang mendapatkan pendidikan sehingga tamat tingkatan 5. Walau bagaimanapun, terdapat juga tahap pendidikan yang tertinggi dalam kalangan responden iaitu 3.3% bagi taraf pendidikan sehingga ke peringkat diploma dan ijazah iaitu masing-masing mewakili seorang responden.



Rajah 4.8: Taraf Pendidikan Responden Dalam Kalangan Penduduk Kampung Kuala Nansang, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.8 menunjukan dapatan kajian taraf pendidikan responden di Kampung Kuala Nansang adalah 97.4% yang mewakili 37 responden tidak bersekolah dan hanya 2.6% iaitu 1 responden sahaja daripada 38 responden yang hanya mendapat pendidikan sehingga tamat darjah 6 sahaja. Dalam kajian ini menunjukkan bahawa implikasi taraf pendidikan kepada pekerjaan responden yang tidak bersekolah menunjukkan responden hanya bekerja sebagai

petani berbanding responden mempunyai taraf pendidikan yang tinggi yang bekerja di sektor awam atau swasta dengan sumber pendapatan yang tetap.

4.3 Maklumat Isi Rumah Responden Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau

Maklumat isi rumah responden adalah penting untuk menerangkan dengan lebih mendalam corak kehidupan responden berdasarkan warisan generasi, asal-usul keluarga responden, jumlah ahli keluarga, pandangan terhadap perkahwinan campur daripada responden, perhubungan dengan saudara-mara di Sarawak, perhubungan sosial, kefasihan berbahasa Iban dan peluang atau kemudahan yang terdapat di kawasan penempatan mereka kini.

4.3.1 Peringkat Generasi Responden Masyarakat Iban di Kampung Merotai, Tawau



Rajah 4.9: Generasi Responden di Kampung Iban Merotai, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.9 menunjukkan kategori generasi dalam kalangan responden kajian bagi masyarakat Iban di Kampung Merotai, Tawau iaitu bagi responden yang masih merupakan kumpulan generasi pertama adalah sebanyak 30% yang diwakili oleh 9 responden. Seterusnya, bagi generasi kedua pula adalah peratusan responden yang tertinggi sebanyak 56.7% iaitu mewakili 17 responden. Manakala generasi yang ketiga adalah 13.3% yang mewakili 4 responden sahaja.

4.3.2 Peringkat Generasi Responden Masyarakat Iban di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Dapatan kajian bagi responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau adalah 100% merupakan generasi ketiga yang telah mendiami di kampung tersebut. Hal ini menunjukkan kesemua responden sebanyak 38 orang di Kampung Kuala Nansang telah mendiami kampung tersebut dari dua generasi yang terdahulu di mana responden merupakan generasi yang ketiga sejak dari awal kewujudan penempatan komuniti Iban pada tahun 1964 dan berdasarkan temubual bersama Ketua Kampung John Slutan bahawa pembukaan kawasan penempatan adalah hasil daripada penerokaan kayu balak oleh komuniti Iban yang terdahulu atau daripada orang tua responden.

4.3.3 Asal Rumah Panjang Responden atau Orang Tua di Sarawak Bagi Kampung Merotai, Tawau



Rajah 4.10: Rumah Panjang Asal Responden di Sarawak atau Orang Tua Responden di Kampung Merotai, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.10 menunjukkan tempat asal rumah panjang responden sendiri ataupun rumah panjang asal bagi orang tua responden daripada Kampung Merotai. Terdapat enam tempat asal responden yang disenaraikan berdasarkan dapatan temu bual antaranya ialah 13 orang responden berasal dari Kapit yang mewakili 43.3%, manakala peratusan kedua tertinggi pula tidak dapat diperolehi mewakili 16.7% yang disebabkan oleh responden tidak mempunyai jawapan 2 responden masing-masing dari Katibas, Lubuk Antu dan Sibu. Seterusnya, seorang responden masing-masing menyatakan asal usul rumah panjang mereka atau pun asal keturunan yang terdahulu adalah daripada Sri Aman dan Tekalit.

Namun begitu terdapat 16.7% daripada keseluruhan peratusan responden yang mewakili 5 orang pula tidak mempunyai maklumat mengenai asal usul keturunan mereka dari Sarawak. Oleh itu, data asal usul responden tidak diperolehi untuk beberapa orang responden disebabkan responden adalah generasi ketiga dan tidak diterangkan secara menyeluruh oleh ibu bapa responden berkenaan sejarah asal usul keluarga mereka di Sarawak. Walaubagaimanapun perkara ini tidak mempengaruhi keseluruhan hasil kajian.

4.3.4 Asal Rumah Panjang Responden atau Orang Tua di Sarawak Bagi Kampung Kuala Nansang, Tawau



Rajah 4.11: Rumah Panjang Asal Responden di Sarawak atau Orang Tua Responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.11 menunjukkan tempat asal rumah panjang sendiri ataupun asal orang tua responden daripada Kampung Kuala Nansang. Terdapat sepuluh tempat asal responden yang disenaraikan berdasarkan dapatan temu bual antaranya ialah 13 orang responden berasal dari Tekalit yang mewakili 34.2%, manakala peratusan kedua tertinggi pula adalah 21.1% yang

mewakili 8 responden dari Katibas, diikuti 15.8% yang mewakli 6 responden berasal dari Sri Aman. Seterusnya, 10.5% mewakili 4 responden berasal dari Kanowit manakala kelima pula adalah sebanyak 5.3% yang mewakili 2 responden berasal dari Batang Rejang. Bagi peratusan yang terakhir iaitu 3.3% yang mewakili seprang responden sahaja daripada setiap kumpulan masing-masing adalah Betong, Sibu, Skrang, Song dan Sungai Mujong.

Secara keseluruhannya bagi asal-usul keturunan responden di Kampung Kuala Nansang ini menunjukkan hasil kajian kesemua 30 responden berasal dari Sarawak terutamanya daripada Bahagian Kapit dan Sibu. Hal ini berbeza dengan asal-usul responden dari Kampung Merotai yang turut berasal daripada bahagian lain di Negeri Sabah dan bukan hanya dari Negeri Sarawak seperti hasil kajian bagi responden di Kampung Kuala Nansang. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapatnya migrasi di antara sempadan negeri dan juga di antara daerah dalam negeri Sabah bagi penduduk kaum Iban di Kampung Merotai, Tawau.

4.3.5 Jumlah Ahli Keluarga yang Tinggal Serumah di Kampung Merotai, Tawau



Rajah 4.12: Jumlah Ahli Keluarga yang Tinggal Serumah di Kampung Merotai, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.12 menunjukkan jumlah ahli keluarga yang tinggal serumah iaitu peratusan yang tertinggi adalah seramai 6 orang yang diwakili oleh 20% dan diikuti 7 orang ahli keluarga iaitu 13.3%. Seterusnya bagi peratusan yang ketiga tertinggi adalah 10% yang diwakili oleh 3 keluarga masing-masing mempunyai ahli keluarga berjumlah 3 dan 4 orang. Walaubagaimanapun terdapat 10% lagi yang mewakili 3 keluarga pula adalah tinggal bersendirian disebabkan sebahagian keluarga telah kembali semula ke negeri Sarawak dan duda selepas kematian isteri. Manakala yang keempat adalah 6.7% di mana terdapat 2 keluarga yang mempunyai 5 ahli keluarga yang tinggal serumah. Akhir sekali adalah 3.3% yang merangkumi 6 jumlah ahli keluarga yang tinggal serumah iaitu dengan kadar jumlah ahli sebanyak 1, 2, 9, 10, 12 dan 21 orang ahli keluarga.

Hal ini menunjukkan sekurang-kurangnya hanya seorang responden yang tinggal bersama seorang ahli keluarga dan jumlah ahli keluarga yang paling banyak dalam satu isi rumah adalah sehingga 21 orang ahli keluarga yang merupakan sebuah keluarga yang besar dan didiami oleh sehingga generasi ke-3. Faktor terpaksa mendiami rumah dalam keluarga yang besar disebabkan tiada tanah untuk mendirikan rumah setelah berpindah dari kawasan rumah panjang Ulu Landau.

4.3.6 Jumlah Ahli Keluarga yang Tinggal Serumah di Kampung Kuala Nansang, Tawau



Rajah 4.13: Jumlah Ahli Keluarga yang Tinggal Serumah di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.13 menunjukkan jumlah ahli keluarga yang tinggal serumah dalam kalangan responden di Kampung Kuala Nansang. Peratusan yang tertinggi adalah 31.6% yang mewakili 12 responden mempunyai bilangan ahli keluarga sebanyak 6 orang yang tinggal di dalam rumah yang sama. Kedua adalah 28.9% yang mewakili 11 responden mempunyai 5 orang ahli keluarga dan peratusan yang ketiga pula adalah 23.7% mewakili 9 responden serta mempunyai 7 orang ahli keluarga yang tinggal serumah. Seterusnya, 7.9% yang mewakili 3 responden pula mempunyai sejumlah 8 orang ahli keluarga, manakala 5.3% mewakili 2 responden mempunyai 4 orang ahli keluarga yang tinggal serumah dan juga merupakan jumlah ahli keluarga yang paling sedikit. Akhir sekali adalah 2.6% iaitu seorang sahaja responden yang mempunyai ahli keluarga paling banyak yang mendiami satu rumah yang sama sebanyak 9 orang ahli keluarga. Hal ini menunjukkan, penduduk Kampung Kuala Nansang mempunyai jumlah ahli keluarga yang tinggal serumah adalah lebih rendah

daripada jumlah yang paling banyak mendiami satu rumah yang sama di Kampung Merotai iaitu sebanyak 21 orang ahli keluarga.

4.3.7 Keturunan pasangan anak-anak yang telah berumah tangga bagi responden Kampung Merotai, Tawau

Jadual 4.3: Keturunan Pasangan Anak-Anak Yang Telah Berumah Tangga Bagi Responden Kampung Merotai, Tawau

Jika Anak Responden Sudah Berumah Tangga Apakah Keturunan Pasangan Masing-Masing di Kampung Merotai		
Keturunan Pasangan	**Frekuensi**	**Peratus (%)**
Belum Berkahwin	19	63.3
Iban	2	6.7
Iban, Bugis, Dusun	1	3.3
Iban, Jawa	1	3.3
Iban, Kadazan	1	3.3
Iban, Kadazan, Sino-Kadazan	1	3.3
Iban, Murut	2	6.7
Kadazan Dusun	1	3.3
Melayu, Iban, Dusun	1	3.3
Murut, Idaan	1	3.3
Jumlah	**30**	**100.0**

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Jadual 4.3 menerangkan kategori bangsa atau keturunan pasangan anak-anak responden yang telah berumah tangga bagi responden di Kampung Merotai, Tawau yang terbahagi kepada 11 kumpulan. Antara peratusan yang tertinggi adalah 63.3% yang mewakili 19 responden di mana anak-anak responden belum berkahwin serta masih kecil dan diikuti 6.7% berbangsa Iban yang mewakili 2 orang sahaja. Manakala 9 daripada kumpulan bangsa yang lain iaitu masing-masing sebanyak 3.3% mewakili 1 responden adalah berketurunan campuran iaitu campuran Iban Bugis Dusun, Iban Jawa, Iban Kadazan, Iban Kadazan Sino-Kadazan, Iban Murut, Kadazan Dusun, Melayu Iban Dusun dan Murut Idaan.

4.3.8 Keturunan pasangan anak-anak yang telah berumah tangga bagi responden Kampung Kuala Nansang, Tawau

Jadual 4.4: Keturunan Pasangan Anak-Anak Yang Telah Berumah Tangga Bagi Responden Kampung Kuala Nansang, Tawau

Jika Anak Responden Sudah Berumah Tangga Apakah Keturunan Pasangan Masing-Masing di Kampung Kuala Nansang		
Keturunan Pasangan	**Frekuensi**	**Peratus (%)**
Bajau	1	2.6
Belum Berkahwin	1	2.6
Bugis	1	2.6
Iban	32	84.2
Iban, Murut	1	2.6
Kadazan	1	2.6
Toraja	1	2.6
Jumlah	**38**	**100.0**

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Jadual 4.4 menerangkan jenis bangsa atau keturunan pasangan anak-anak yang telah berumah tangga bagi responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau yang terbahagi kepada 6 kumpulan. Antara peratusan yang tertinggi adalah 84.2% yang mewakili 32 responden iaitu keturunan pasangan anak-anak yang berbangsa Iban. Seterusnya bagi keempat-empat kumpulan bangsa yang lain adalah 2.6% yang mewakili seorang responden sahaja yang masing-masing menyatakan bahawa keturunan pasangan anak-anak mereka adalah daripada bangsa Bajau, Bugis, Iban Murut, Kadazan dan Toraja. Hal ini telah menunjukkan majoriti keturunan pasangan anak-anak responden adalah berbangsa Iban tulen.

Hasil kajian mendapati masih ramai masyarakat Iban yang memilih untuk berkahwin dengan pasangan suami atau isteri juga berbangsa Iban tulen untuk mengekalkan tradisi dan budaya asal masyarakat Iban. Namun begitu, dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya

perkahwinan campur di antara masyarakat Iban di Tawau dengan masyarakat pribumi Sabah yang terdiri daripada pelbagai jenis kaum.

4.3.9 Penguasaan Bahasa Iban Dalam Kalangan Generasi Muda Yang Berumur Di Bawah 20 Tahun Dalam Sesebuah Institusi Keluarga Bagi Penduduk Kampung Merotai, Tawau



Rajah 4.14: Penguasaan Bahasa Iban Dalam Kalangan Anak Muda Yang Berumur Di Bawah 20 Tahun Dalam Keluarga Responden

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.14 menunjukkan peratusan tahap penguasaan Bahasa Iban dalam kalangan anak muda yang berumur di bawah 20 tahun dalam keluarga responden. Hasil kajian mendapati sebanyak 70% yang diwakili oleh 21 responden menyatakan bahawa anak muda dalam keluarga mereka iaitu Kampung Merotai adalah fasih berbahasa Iban. Manakala 16.7% yang mewakili 5 responden pula adalah sangat fasih berbahasa Iban dan hanya 13.3% iaitu 4 responden sahaja yang menyatakan anak muda di bawah umur 20 tahun dalam keluarga

mereka tidak fasih berbahasa Iban. Hal ini adalah merupakan elemen penting dari segi warisan kebudayaan kaum Iban yang perlu dikekalkan dalam kalangan anak muda yang merupakan genersai baru yang akan meneruskan tradisi dan budaya kaum Iban khususnya di Kampung Merotai, Tawau. Hasil temu bual juga responden turut menyatakan bahawa melalui Bahasa Iban salah satu cara komuniti Iban di Tawau mengekalkan identiti mereka sebagai etnik Iban yang sama berasal dari Sarawak.

i) Penggunaan Bahasa Iban Diutamakan Bagi Perbualan Harian Keluarga Dalam Kalangan Responden Kampung Merotai, Tawau

Jadual 4.5: Pengunaan Bahasa Iban Diutamakan Bagi Perbualan Harian Bagi Keluarga Responden di Kampung Merotai

Adakah Dalam Keluarga Anda Bahasa Iban Diutamakan Bagi Perbualan Harian Keluarga		
	Jumlah Responden	**Peratus (%)**
Ya	27	90.0
Tidak	3	10.0
Jumlah	**30**	**100.0**

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Jadual 4.5 menunjukkan hasil kajian di Kampung Merotai, Tawau sama ada Bahasa Iban adalah bahasa yang diutamakan bagi perbualan harian keluarga iaitu 90% responden menyatakan ya iaitu 27 responden menyatakan bahawa Bahasa Iban merupakan bahasa utama mereka. Manakala hanya 10% yang mewakili 3 responden sahaja yang menyatakan tidak iaitu Bahasa Iban bukan merupakan bahasa utama mereka dalam perbualan harian keluarga mereka. Hal ini menunjukkan Bahasa Iban masih lagi merupakan Bahasa yang dominan dalam kalangan penduduk Iban di Kampung Merotai, Tawau.

4.3.10 Penguasaan Bahasa Iban Dalam Kalangan Generasi Muda Yang Berumur Di Bawah 20 Tahun Dalam Sesebuah Institusi Keluarga Bagi Penduduk Kampung Kuala Nansang, Tawau

Dapatan kajian mendapati peratusan tahap penguasaan Bahasa Iban dalam kalangan anak muda yang berumur di bawah 20 tahun dalam keluarga responden di Kampung Kuala Nansang adalah 100% fasih berbahasa Iban. Hal ini menunjukkan penduduk Kampung Kuala Nansang adalah lebih mengamalkan penggunaan Bahasa Iban dalam perbualan harian mereka dan perkaitan ini diperkukuhkan dengan tradisi perkahwinan yang masih mengekalkan adat dengan berkahwin dengan keturunan Iban.

i) Penggunaan Bahasa Iban Diutamakan Bagi Perbualan Harian Keluarga Dalam Kalangan Responden Kampung Kuala Nansang, Tawau

Dapatan kajian juga mendapati bahawa keluarga responden di Kampung Kuala Nansang menggunakan bahasa Iban sebagai perbualan harian dan ini mengukuhkan bahawa tahap pengguasaan bahasa Iban dikalangan golongan muda 20 tahun adalah amat baik berbanding di Kampung Iban Merotai.

4.3.11 Jumlah Responden Yang Pernah Mengirim Wang Kepada Keluarga di Sarawak Dalam Kalangan Respondan Di Kampung Merotai, Tawau



Rajah 4.15: Jumlah Responden Yang Pernah Mengirim Wang Kepada Keluarga di Sarawak Dalam Kalangan Responden Di Kampung Merotai, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.15 menunjukkan jumlah responden yang pernah mengirimkan wang kepada ahli keluarga di Sarawak menunjukkan 76.7% yang mewakili 23 responden tidak pernah mengirimkan wang kepada ahli keluarga di Sarawak. Manakala hanya 23.3% yang mewakili 7 responden sahaja yang pernah mengirimkan wang kepada ahli keluarga di Sarawak. Hal ini menunjukkan masih lagi terdapat pertalian perhubungan yang erat di antara peratusan responden yang mengirimkan wang kepada ahli keluarga di Sarawak dan menunjukkan bahawa matlamat migrasi ke Tawau dengan harapan membantu keluarga di Sarawak masih dikekalkan oleh tujuh orang responden ini dan terdapat ibu bapa responden juga merupakan

sebelum ini menetap di Tawau namun kembali semula ke Sarawak disebabkan ingin mengusahakan semula tanah pusaka di Sarawak.

4.3.12 Jumlah Responden Yang Pernah Mengirim Wang Kepada Keluarga di Sarawak Dalam Kalangan Respondan Di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Dapatan kajian mendapati 38 responden dari Kampung Kuala Nansang pernah mengirimkan wang kepada ahli keluarga di Sarawak. Hal ini menunjukkan penduduk Kampung Kuala Nansang berdasarkan kesemua responden mempunyai tanggungjawab sosial kepada ahli keluarga mereka di Sarawak dan menunjukkan bahawa kesemua responden ini masih mampu membantu keluarga di Sarawak walaupun sebahagian pendapatan bulanan responden di bawah garis kemiskinan Negara Malaysia. Budaya menyimpan wang di kalangan komuniti Iban ini melihat wujudnya penekanan konteks strategi kehidupan untuk mengumpul harta dan wang simpanan menyebabkan responden masih mampu mengirimkan wang kepada ahli keluarga di Sarawak.

4.3.13 Amalan Penyimpanan Wang Daripada Sebahagian Pendapatan Responden Kampung Merotai, Tawau



Rajah 4.16: Amalan Menyimpan Wang Simpanan di Kalangan Responden Kampung Merotai

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.16 menunjukkan amalan penyimpanan wang daripada sebahagian pendapatan responden menunjukkan 80% yang mewakili 24 responden yang mengamalkan penyimpanan wang. Manakala 20% yang mewakili 6 responden pula tidak mengamalkan penyimpanan wang daripada sebahagian hasil pendapatan. Ciri-ciri peratusan yang tertinggi dalam kalangan responden yang menyatakan ya iaitu sebanyak 80% tersebut menunjukkan kebanyakan responden mengamalkan amalan menyimpan wang dan juga turut mengumpul harta kekayaan untuk mengekalkan status sosial mereka sebagai migran yang berjaya di Tawau. Hasil dapatan ini turut menerangkan pengurusan kewangan isi rumah responden juga baik dan hal ini berkait rapat dengan hasil dapatan dari segi membantu keluarga di Sarawak dengan mengirim wang kepada keluarga di Sarawak menunjukkan sebahagian responden yang tidak membantu dengan mengirim wang kepada keluarga di Sarawak sebaliknya adalah

sebagai wang simpanan atau tabungan merupakan strategi kehidupan seorang migran di Tawau.

4.3.14 Amalan Penyimpanan Wang Daripada Sebahagian Pendapatan Responden Kampung Kuala Nansang, Tawau

Bagi amalan penyimpanan wang daripada sebahagian pendapatan responden menunjukkan 100% yang mewakili 38 responden Kampung Kuala Nansang adalah mengamalkan penyimpanan wang daripada jumlah pendapatan bulanan mereka. Hal ini menunjukkan penduduk di Kampung Kuala Nansang mempunyai kesedaran untuk membuat simpanan untuk memperolehi harta bagi meningkatkan lagi status sosial untuk kehidupan yang lebih baik dari masa ke semasa. Mereka juga boleh dianggap sebagai kumpulan migran yang berjaya di Tawau berpandukan strategi kehidupan dalam meningkatkan sosioekonomi isi rumah. Hasil dapatan ini juga memperkukuhkan lagi dapatan sebelum ini di mana responden dari Kuala Nansang masih membantu mengirimkan wang kepada keluarga di Sarawak bahawa mereka boleh dikategorikan sebagai migran yang berjaya. Oleh itu, konsep *bejalai* sememangnya masih dikekalkan oleh masyarakat Iban di Tawau pada dasarnya adalah untuk mengumpul hasil kekayaan dan meningkatkan taraf sosial.

4.3.15 Kategori Peluang berdasarkan jenis kemudahan yang disediakan di Kampung Merotai, Tawau



Rajah 4.17: Kategori Peluang Dan Kemudahan Yang Terdapat Di Kawasan Penempatan Responden Kampung Merotai

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.17 menunjukkan kategori peluang berdasarkan jenis kemudahan yang disediakan di Kampung Merotai, Tawau. Hasil kajian menyatakan bahawa peratusan majoriti iaitu 70% yang mewakili 21 responden memilih Kemudahan Jalan, Air dan Elektrik sahaja yang merupakan peluang atau kemudahan yang boleh dinikmati seiringan dengan pembangunan dan peluang yang ada di kawasan mereka. Seterusnya, peratusan yang kedua tertinggi adalah 13.3% yang mewakili 4 responden menyatakan peluang yang dinikmati adalah dari segi Bantuan Kerajaan Tempatan serta Kemudahan Jalan, Air dan Elektrik. Bagi yang ketiga pula iaitu 6.7% yang mewakili 2 responden menyatakan bahawa peluang yang diperolehi adalah seperti Peluang Pekerjaan, Bantuan Kerajaan Tempatan serta Kemudahan Jalan, Air dan Elektrik. Manakala peratusan yang terakhir pula diwakili oleh tiga kategori iaitu 3.3% di

mana masing-masing mewakili seorang responden. Kategori akhir yang pertama adalah Peluang Pekerjaan, Tanah dan Bantuan Kerajaan Tempatan serta Kemudahan Jalan, Air dan Elektrik. Kedua adalah Tanah, Kemudahan Jalan, Air dan Elektrik serta Bantuan Kerajaan Tempatan. Manakala kategori yang ketiga adalah Peluang Pekerjaan, Tanah serta Kemudahan Jalan, Air dan Elektrik. Hal ini menunjukkan kategori kemudahan asas seperti Jalan, Air dan Elektrik merupakan peluang yang paling utama yang dapat dirasai serta dinikmati dalam kalangan penduduk di Kampung Merotai, Tawau. Hasil dapatan ini juga menunjukkan bahawa responden memilih kawasan Merotai disebabkan kemudahan yang sedia ada berbanding di kawasan asal responden di Sarawak yang masih belum mempunyai jalan perhubungan, bekalan elektrik dan bekalan air bersih seperti yang dijelaskan oleh responden yang berasal dari Kapit dan Song.

4.3.16 Kategori Peluang berdasarkan jenis kemudahan yang disediakan di Kampung Kuala Nansang, Tawau



Rajah 4.18: Kategori Peluang Dan Kemudahan Yang Terdapat Di Kawasan Penempatan Responden di Kuala Nansang

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.18 menunjukkan kategori peluang berdasarkan jenis kemudahan yang disediakan di Kampung Kuala Nansang, Tawau. Hasil kajian menyatakan bahawa peratusan majoriti iaitu 76.3% yang mewakili 29 responden memilih Peluang Pekerjaan serta Kemudahan Jalan, Air dan Elektrik sahaja peluang yang mereka dapat dinikmati di kawasan mereka.

Seterusnya, peratusan yang kedua tertinggi adalah 10.5% yang mewakili empat responden menyatakan peluang yang dinikmati adalah dari segi Tanah serta Kemudahan Jalan, Air dan Elektrik. Bagi yang ketiga pula iaitu 7.9% yang mewakili 3 responden menyatakan bahawa peluang yang diperolehi adalah seperti Peluang Pekerjaan, Bantuan Kerajaan Tempatan serta Kemudahan Jalan, Air dan Elektrik. Manakala peratusan yang terendah pula masing-masing adalah 2.6% diwakili oleh seorang responden iaitu hanya Peluang Pekerjaan sahaja dan Peluang Pekerjaan dan Bantuan Kerajaan Tempatan sahaja. Hal ini turut menunjukkan bahawa kategori kemudahan asas seperti Jalan, Air dan Elektrik merupakan peluang yang paling utama yang dapat dirasai serta dinikmati dalam kalangan penduduk di Kampung Kuala Nansang yang juga sama seperti di Kampung Merotai.

4.4 Keagamaan Dalam Kalangan Responden Di Kampung Merotai Dan Kuala Nansang, Tawau

4.4.1 Kepercayaan Masyarakat Iban Kampung Merotai, Tawau



Rajah 4.19: Kepercayaan Responden Kampung Merotai, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.19 menunjukkan jenis kepercayaan atau agama yang dianuti oleh responden di Kampung Merotai, Tawau berdasarkan tiga puluh responden. Hasil kajian menunjukkan peratusan yang tertinggi adalah kumpulan responden yang beragama Kristian Anglikan iaitu sebanyak 60% yang mewakili 18 orang responden. Peratusan yang kedua tertinggi pula adalah beragama Kristian Baptis iaitu sebanyak 30% yang mewakili sembilan responden. Seterusnya yang ketiga adalah beragama Islam iaitu 6.7% mewakili 2 orang responden sahaja yang asalnya adalah Iban Kristian dan telah memeluk agama Islam. Akhir sekali adalah Kristian Roman Katolik iaitu 3.3% yang mewakili seorang responden sahaja. Hasil

dapatan menunjukkan kebanyakan penduduk di Kampung Merotai, Tawau adalah beragama Kristian iaitu majoriti penduduk adalah lebih kepada mahzab Kristian Anglikan.

4.4.2 Kepercayaan Masyarakat Iban Kampung Kuala Nansang, Tawau



Rajah 4.20: Kepercayaan Masyarakat Iban Kampung Kuala Nansang, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.20 menunjukkan jenis kepercayaan atau agama yang dianuti oleh responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau berdasarkan 38 responden. Hasil kajian menunjukkan peratusan yang tertinggi adalah kumpulan responden yang beragama Kristian Anglikan iaitu sebanyak 92.1% yang mewakili tiga puluh responden. Peratusan yang kedua tertinggi pula adalah beragama Kristian Baptis iaitu sebanyak 7.9% yang mewakili tiga responden. Hasil dapatan menunjukkan kebanyakan penduduk di Kampung Kuala Nansang, Tawau adalah beragama Kristian iaitu majoriti penduduk adalah lebih kepada mahzab Kristian Anglikan dan hanya minoriti sahaja yang mengamalkan mahzab Baptis pada kedatangan Anglikan tahun 1866.

Secara lazimnya, komuniti Iban asalinya adalah mengamalkan kepercayaan adat resam Iban seperti upacara miring namun kemasukan agama Kristian di Sabah menyebabkan sebahagian komuniti Iban mula menganuti agama Kristian berikutan tiada generasi lama yang meneruskan kesinambungan budaya dan adat lama Iban di Tawau. Hasil daripada dapatan kajian ini kepercayaan responden Iban di kedua-dua kampung di Tawau rata-ratanya adalah Kristian daripada Anglikan. Gereja pertama di Sabah adalah Gereja Anglikan yang diketuai oleh Bishop Rev. Father Francis Thomas Mc Douglas pada tahun 1855 bermula dari Labuan sehingga ke Tawau (Anglican Diocese Sabah, 2014). Para mubaligh pertama yang diketuai oleh Francis McDougall, tiba di Sarawak pada tahun 1848 Father McDougall ialah seorang doktor terlatih. Tujuh tahun kemudian, pada 18 Oktober 1855, Fr Francis McDougall telah dilantik sebagai Bishop bagi Wilayah Labuan.

Diocese Labuan meliputi kawasan yang sangat besar. Ia termasuk Sarawak, Borneo Utara (kini Sabah), Brunei, Singapura, Malaya (kini Malaysia Barat) dan Bangkok. Sebahagian besar daripada kementerian ini adalah untuk memberi Chaplaincy untuk ekspatriat Eropah. Kerja juga bermula di kalangan orang-orang Kristian Hakka dari Hong Kong dan China. Bishop McDougall mahu menggunakan Labuan sebagai pangkalan untuk mendekati Dusun di pedalaman.

4.5 Perhubungan Responden Dengan Penduduk Bukan Iban Di Kampung Merotai Dan Kuala Nansang, Tawau

Masyarakat Iban di Kampung Merotai dan Kuala Nansang, Tawau telah berjaya menubuhkan penempatan kekal penduduk Iban di kedua-dua Kampung tersebut atas faktor keupayaan semulajadi dan fleksibliti kaum Iban mengadaptasi cara kehidupan penduduk di Negeri Sabah. Kriteria corak hidup masyarakat Iban yang lebih kepada bercucuk tanam dan

mencari hasil hutan telah berupaya mengekalkan tradisi dan amalan kehidupan orang Iban di Sabah khususnya di Tawau. Penduduk Iban di Merotai juga mudah bergaul dengan pelbagai bangsa yang lain di Sabah. Kaum Iban turut peka dalam aktiviti sosial dan menitikberatkan semangat bekerjasama yang telah lama diterapkan dalam kehidupan satu komuniti yang kukuh dalam budaya di rumah panjang.

4.5.1 Konteks Interaksi Sosial Yang Paling Kerap Antara Responden dan Penduduk Iban Di Kampung Merotai, Tawau



Rajah 4.21: Konteks Interaksi Sosial Yang Paling Kerap Antara Responden Dan Penduduk Iban Di Kampung Merotai, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.21 menunjukkan enam kategori aktiviti berkenaan interkasi sosial yang dilakukan oleh penduduk Kampung Merotai, Tawau. Antaranya adalah aktivti di Gereja, Kenduri, Pekan, Gotong-royong, Kedai Kopi dan Rumah Sahabat Handai. Hasil kajian berdasarkan 30 responden mendapati peratusan yang tertinggi adalah 16.7% bagi 3 kategori pilihan yang mewakili 5 responden bagi kategori masing-masing. Kategori yang pertama adalah aktiviti Gereja sahaja, kedua pula adalah Gereja, Kenduri, Pekan, Gotong-royong dan Rumah

Sahabat Handai manakala yang ketiga adalah aktiviti Gereja, Pekan, Gotong-royong dan rumah Sahabat Handai. Bagi peratusan yang kedua tertinggi pula adalah sebanyak 10% yang mewakili 3 responden masing-masing yang memilih kategori aktiviti interaksi sosial yang berlainan. Pertama adalah melibatkan keenam-enam aktivti iaitu Gereja, Gotong-royong, Rumah Sahabat Handai, Kenduri, Pekan dan juga Kedai Kopi. Katergori yang kedua untuk peratusan kedua teringgi ini adalah aktiviti Gereja, Gotong-royong dan Kenduri manakala ketiga adalah aktiviti Kenduri, Pekan, Gotong-royong dan Rumah Sahabat Handai.

4.5.2 Konteks Interaksi Sosial Yang Paling Kerap Antara Responden dan Penduduk Iban di Kampung Kuala Nansang, Tawau



Rajah 4.22: Konteks Interaksi Sosial Yang Paling Kerap Antara Responden Dan Penduduk Iban Di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.22 terdapat 4 kategori peratusan mengikut aktiviti-aktiviti interkasi yang berbeza mengikut pemilihan responden. Kategori peratusan yang tertinggi adalah sebanyak 84.2%

yang mewakili 32 responden iaitu aktiviti-aktiviti Gereja, Aktiviti Gotong-royong dan Kenduri. Bagi kategori kedua pula adalah 10.5% dan mewakili 4 responden iaitu aktiviti Gereja, Gotong-royong dan Rumah Sahabat Handai. Manakala terdapat dua peratusan yang sama bagi 2.6% yang mewakili hanya seorang responden masing-masing iaitu kategori yang pertama adalah aktiviti Gereja, Kenduri dan Kedai Kopi. Manakala kategori kedua yang turut diwakili oleh seorang responden sahaja adalah aktiviti Kenduri dan Gotong-royong sahaja. Hasil kajian bagi setiap kategori tersebut menunjukkan aktiviti Gereja, gotong-royong dan Kenduri merupakan interaksi sosial yang tertinggi dalam kalangan penduduk Iban di Kampung Kuala Nansang, Tawau.

4.5.3 Kefasihan Responden Kampung Merotai terhadap Bahasa Dialek di Sabah

Berdasarkan temubual bersama responden di Kampung Merotai, kesemua responden fasih dalam Bahasa Dialek di Sabah seperti Dusun, Kadazan dan Murut. Dialek Sabah ini penting dalam perantaraan bahasa dan aktiviti harian penduduk Iban di Tawau terutamanya apabila dalam proses jual beli seperti menjual hasil tanaman yang diusahakan oleh penduduk Iban dan turut memudahkan untuk mengadaptasi budaya tempatan di Tawau.

4.5.4 Kefasihan Responden Kampung Kuala Nansang terhadap Bahasa Dialek di Sabah

Bagi responden Kampung Kuala Nansang juga menunjukan semua responden fasih dalam bahasa Dialek di Sabah seperti Dusun, Murut dan Kadazan disebabkan faktor persekitaran perkampungan adalah terletak di antara perkampungan penduduk asal di Tawau dan dalam kawasan perladangan Kelapa Sawit menyebabkan interaksi kerap berlaku apabila rata-ratanya pengusaha Kelapa Sawit dari kaum Iban menggunakan khidmat pekerja dari penduduk tempatan di kawasan sekitar Kuala Nansang.

4.5.5 Pendapat Responden Kampung Merotai Terhadap Kecendurangan Generasi Muda Untuk Berkahwin Campur

Berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan telah menunjukkan hasil kajian kesemua 30 responden berpendapat bahawa generasi muda dalam kalangan penduduk Iban di Kampung Merotai, Tawau adalah berkecendurangan untuk berkahwin campur iaitu mewakili 100% responden bersetuju dengan pendapat berkenaan. Hal ini adalah kerana kaum Iban di Tawau adalah merupakan penduduk minoriti di Sabah khususnya di Tawau. Perkara ini disebabkan oleh tuntutan peluang pendidikan, pekerjaan dan lain-lain peluang ekonomi yang membolehkan penduduk Iban tinggal di kawasan lain selain dari kampung kediaman orang Iban sahaja. Pertembungan budaya dengan kaum lain di Sabah juga menjadi faktor yang menyebabkan berlakunya perkahwinan campur di mana generasi muda mudah mengadaptasi budaya dan tradisi kaum lain yang terdapat di Sabah secara amnya.

4.5.6 Pendapat Responden Kampung Kuala Nansang Terhadap Kecendurangan Generasi Muda Untuk Berkahwin Campur

Bagi responden di Kampung Kuala Nansang juga hasil kajian kesemua 38 responden berpendapat bahawa generasi muda dalam kalangan penduduk Iban di Kampung Kuala Nansang, Tawau adalah berkecenderungan untuk tidak mengamalkan berkahwin campur iaitu mewakili 100% responden tidak bersetuju dengan pendapat berkenaan. Hal ini adalah kerana kaum Iban di Tawau adalah merupakan penduduk minoriti di Sabah khususnya di Tawau, maka responden di Kampung Kuala Nansang ini adalah lebih primitif berbanding masyarakat di Kampung Merotai, Tawau kerana tidak cenderung untuk mengamalkan perkahwinan campur. Mereka lebih kepada ingin meningkatkan lagi keturunan Iban tulen di

daerah Tawau bagi meneruskan tradisi masyarakat Iban yang unik dan mempunyai penempatan tetap dan serta hak pemilikan tanah di Negeri Sabah.

4.6 Pemilikan Dan Guna Tanah Dalam Kalangan Responden Di Kampung Merotai Dan Kuala Nansang, Tawau

Kajian yang mendalam bagi mengetahui status pemilikan tanah tempat rumah kediaman, jumlah keluasan tanah responden, kaedah memperolehi tanah di Daerah Tawau, jenis guna tanah dan sama ada berlakunya konflik berkenaan tanah di kedua-dua kampung kajian tersebut perlu dikenalpasti bagi mengetahui sebarang isu atau konflik yang dialami oleh penduduk Iban di Tawau. Secara umumnya, penduduk Iban di Tawau adalah penduduk migran yang berjaya kerana telah berupaya memperolehi status pemilikan tanah sendiri dan mempunyai penempatan tetap di perkampungan Iban di Tawau. Pemilikan tanah luar daripada negeri Sarawak membuktikan bahawa komuniti Iban ini diiktirafkan oleh Kerajaan Negeri Sabah serta peranan komuniti ini meningkatkan sosioekonomi di Tawau.

4.6.1 Status Pemilikan Tapak Rumah Kediaman Responden di Kampung Merotai, Tawau

Kajian mendapati bahawa keseluruhan 100% hasil kajian yang mewakili 30 responden mempunyai status pemilikan tapak rumah kediaman sendiri di Kampung Merotai, Tawau. Menurut Ketua Kampung Merotai Encik Lulot bahawa tanah ini sebelum ini adalah penempatan bagi kawasan yang terlibat dengan bencana banjir namun demikian sebahagian komuniti asal Sabah tidak berpindah ke kawasan ini dan kawasan ini telah dipohon sebagai penempatan baru Iban memandangkan terdapat isu tanah di Ulu Landau menyebabkan mereka membina penempatan yang baru di kawasan Merotai.

4.6.2 Status Pemilikan Tapak Rumah Kediaman Responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Kajian di Kampung Kuala Nansang juga turut menunjukkan keseluruhan 100 % hasil kajian yang mewakili 38 responden mempunyai status pemilikan tapak rumah kediaman sendiri di Kampung Kuala Nansang, Tawau. Hal ini adalah kerana dengan pemberian pihak kerajaan tempatan di Sabah yang telah mewartakan tanah kediaman penduduk Iban di Kuala Nansang pada 24.9.1989 bagi tapak rumah dan kawasan perkampungan Iban di Kuala Nansang.

4.6.3 Pemilikan Tanah untuk Tujuan Pertanian



Rajah 4.23: Responden Kampung Merotai Mempunyai Tanah Untuk Kegiatan Pertanian

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.23 menunjukkan 29 responden mempunyai tanah sendiri bagi tujuan pertanian. Manakala berdasarkan kajian yang dijalankan hanya seorang responden tidak mempunyai tanah untuk kegunaan pertanian dan maklum balas yang diterima daripada seorang responden adalah hanya memiliki tanah lot untuk membina rumah.

4.6.4 Adakah Anda Mempunyai Tanah Bagi Tujuan Pertanian (Kampung Kuala Nansang)

Bagi penduduk Kampung Kuala Nansang pula dapatan kajian mendapati kesemua responden yang dikaji memberi maklumbalas yang positif kepada pengkaji di mana kesemua responden menyatakan bahawa mereka mempunyai tanah bagi kegunaan menjalankan aktiviti pertanian.

4.6.5 Jumlah Pemilikan Keluasan Tanah Dalam Kalangan Responden Di Kampung Merotai, Tawau

Jadual 4.6: Jumlah Pemilikan Keluasan Tanah Dalam Kalangan Responden Di Kampung Merotai, Tawau

Jumlah Pemilikan Keluasan Tanah Dalam Kalangan Responden Di Kampung Merotai, Tawau		
Keluasan Tanah (Ekar)	**Jumlah Responden**	**Peratus (%)**
1 - 5	16	53.3
6 - 10	4	14.3
11 - 15	4	14.3
16 - 20	2	6.6
	26	86.7
Tidak Pasti Saiz Tanah	4	13.3
Jumlah	**30**	**100**

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Jadual 4.6 menunjukkan pemilikan tanah dalam kalangan responden di Kampung Merotai, Tawau. Jumlah peratusan yang tertinggi adalah 20% yang mewakili 6 responden yang mempunyai 3 ekar tanah sendiri. Seterusnya, diikuti 13.3% mewakili 4 responden yang mempunyai tanah seluas 15 ekar dan turut mempunyai nilai peratusan yang sama 13.3% adalah responden yang mempunyai tanah dengan keluasan tanah 4 ekar sebanyak 4 orang responden. Manakala yang ketiga adalah 10% yang masing-masing diwakili oleh 3 responden bagi setiap kumpulan iaitu yang pertama adalah sebanyak 3 responden

mempunyai 2 ekar tanah, kedua adalah 7 ekar dan ketiga pula 15 ekar tanah. Bagi peratusan yang keempat pula adalah 6.7% yang mewakili 2 responden yang mempunyai 4 ekar tanah.

Akhir sekali adalah 3.3% yang masing-masing diwakili oleh seorang responden bagi setiap lima kumpulan jumlah keluasan pemilikan tanah dimana setiap responden yang mempunyai keluasan tanah sebanyak 1 ekar, 10 ekar, 15 ekar, 16 ekar dan 18 ekar. Walau bagaimanapun daripada keseluruhan peratusan tersebut hanya 86.7% sahaja yang mewakili 26 responden sahaja data yang dianalisis berikutan ketidakpastian serta keengganan responden untuk memberikan jawapan berdasarkan soal selidik yang telah dijalankan di mana 4 responden sahaja iaitu 13.3% tidak dapat memberikan kerjasama yang sewajarnya untuk persoalan jumlah keluasan pemilikan tanah mereka atas sebab status pemilikan masih diragui oleh responden.

4.6.6 Jumlah Pemilikan Keluasan Tanah Dalam Kalangan Responden Di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Jadual 4.7: Jumlah Pemilikan Keluasan Tanah Dalam Kalangan Responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Jumlah Pemilikan Keluasan Tanah Dalam Kalangan Responden Di Kampung Kuala Nansang, Tawau		
Keluasan Tanah (Ekar)	**Jumlah Responden**	**Peratus (%)**
1 - 5	3	7.9
6 - 10	35	92.1
Jumlah	**38**	**100.0**

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Jadual 4.7 menunjukkan pemilikan tanah dalam kalangan 38 responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau. Jumlah peratusan yang tertinggi adalah 31.6% yang mewakili 12 responden yang mempunyai 8 ekar tanah sendiri. Seterusnya, diikuti 23.7% mewakili 9 responden yang mempunyai tanah seluas 6 ekar. Manakala yang ketiga adalah 18.4% yang

diwakili oleh 7 responden iaitu tanah seluas 7 ekar dan keempat pula adalah 15.8% yang diwakili oleh 6 responden dengan jumlah keluasan tanah 9 ekar. Peratusan kelima tertinggi adalah 5.3% yang diwakili 2 responden sahaja yang mempunyai tanah seluas 5 ekar. Akhir sekali adalah 2 kumpulan yang mempunyai peratusan yang sama iaitu 2.6% diwakili oleh seorang responden dimana keluasan tanah masing-masing adalah 4 ekar dan jumlah keluasan tanah yang terbesar adalah 10 ekar. Menurut Ketua Kampung John Slutan bahawa pemberian tanah oleh kerajaan adalah berasaskan kemampuan peneroka yang awal meneroka dan potensi menanam sawit mengikut kemampuan isi rumah.

4.6.7 Kaedah Mendapatkan Pemilikan Tanah Dalam Kalangan Penduduk Iban Di Kampung Merotai, Tawau



Rajah 4.24: Kaedah Memperolehi Tanah Dalam Kalangan Responden Di Kampung Merotai, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Rajah 4.24 menerangkan kaedah bagaimana penduduk Iban di Kampung Merotai, Tawau mendapatkan pemilikan tanah mereka. Peratusan kaedah pemilikan tanah yang tertinggi

adalah melalui pemberian tanah pusaka turun-temurun iaitu daripada warisan keluarga iaitu sebanyak 53.3% yang mewakili 16 responden. Kedua pula adalah 23.3% yang mewakili 7 responden yang mendapatkan tanah melalui permohonan daripada pihak kerajaan. Manakala yang ketiga adalah melalui pemberian kerajaan negeri sebanyak 13.3% iaitu mewakili 4 responden. Bagi peratusan yang terendah sebanyak 10 peratus yang mewakili 3 responden sahaja adalah melalui pembelian tanah daripada penduduk tempatan. Perkara ini menunjukkan lebih daripada separuh responden yang mendapat pemilikan tanah daripada pewarisan turun-temurun yang menunjukkan masyarakat Iban di Tawau, Sabah ini mampu mengekalkan penempatan mereka sejak beberapa generasi yang lampau dan menunjukkan bahawa masyarakat Iban ini diiktiraf oleh Kerajaan Sabah dan bukan sebagai peneroka tanah haram.

Hasil temubual dengan responden, status pemilikan tanah bagi lot rumah kediaman di Kampung Merotai adalah merupakan kawasan pemberian pihak kerajaan kepada penduduk tempatan di mana kawasan penempatan asal kerap dilanda banjir. Namun penduduk tempatan di Tawau hampir sebahagian tidak berminat untuk berpindah ke kawasan Merotai dan tanah-tanah lot rumah kemudian diberi kepada komuniti Iban di Merotai.

4.6.8 Kaedah Mendapatkan Pemilikan Tanah Dalam Kalangan Penduduk Iban Di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Hasil dapatan kajian kesemua responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau mendapat status pemilikan tanah melalui permohonan daripada pihak Kerajaan Negeri Sabah atas dasar komuniti Iban di kampung ini merupakan komuniti yang terawal meneroka di kawasan Kuala Nansang bersama-sama komuniti tempatan. Responden turut memaklumkan bahawa mereka terus mengusahakan kegiatan pertanian komersial kelapa sawit sebagai hak

pemilikan tanah di kawasan tersebut dan untuk membuktikan tanah tersebut telah diteroka oleh mereka sebelum kemerdekaan.

4.6.9 Jenis Guna Tanah Dalam Kalangan Penduduk Di Kampung Merotai, Tawau



Rajah 4.25: Jenis Guna Tanah di Kalangan Responden di Kampung Merotai, Tawau

Sumber: Kajian Lapangan (2011)

Rajah 4.25 menunjukkan jenis pemilikan guna tanah dalam kalangan penduduk di Kampung Merotai Tawau yang tertinggi menunjukkan 66.7% yang mewakili 20 responden iaitu jenis guna tanah untuk penanaman Kelapa Sawit. Manakala peratusan yang kedua tertinggi adalah sebanyak 20% yang mewakili 6 responden menggunakan tanah untuk tujuan kegiatan pertanian secara amnya seperti tanaman kebun sayur-sayuran, dusun buah-buahan, cendawan, dan kolam ikan. Seterusnya yang ketiga adalah 13.3% yang mewakili 4 responden iaitu guna tanah untuk kedua-dua jenis kegiatan pertanian dan juga kelapa sawit. Hasil kajian ini menunjukkan penduduk di Kampung Merotai ini lebih banyak mengusahakan tanaman komersial iaitu penanaman Kelapa Sawit.

4.6.10 Jenis Pemilikan Guna Tanah Dalam Kalangan Penduduk Di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Dapatan kajian menunjukkan jenis pemilikan guna tanah bagi kesemua 38 responden di Kampung Kuala Nansang, Tawau adalah 100% tanah yang dimiliki bagi tujuan penanaman Kelapa Sawit. Berdasarkan kerja lapangan pengkaji, komuniti Iban di Kuala Nansang menjalankan aktiviti pertanian komersial kelapa sawit sebagai pekerjaan utama atau punca pendapatan isi rumah.

4.6.11 Kewujudan Konflik Berkenaan Tanah di Kampung Merotai, Tawau

Jadual 4.8: Kewujudan Konflik Berkenaan Tanah di Kampung Merotai, Tawau

Adakah Wujudnya Konflik Tanah Di Kawasan Kampung Merotai		
	Bilangan Responden	**Peratus (%)**
Ya	23	76.7
Tidak	7	23.3
Jumlah	**30**	**100.0**

Sumber: Kajian Lapangan (2010)

Jadual 4.8 menunjukkan wujudnya konflik tanah di Kampung Merotai, Tawau iaitu sebanyak 76.7% yang mewakili 23 responden menyatakan terdapatnya konflik berkenaan tanah di kawasan mereka. Manakala 23.3% yang mewakili 7 responden pula menyatakan tidak berlakunya konflik tanah. Hal ini adalah kerana terdapat isu atau konflik tanah yang menimbulkan masalah yang besar dan rumit untuk diselesaikan oleh penduduk kampung terutamanya melibatkan isu tanah di Ulu Landau yang telah dihalang oleh pihak Kerajaan untuk terus menetap di Ulu Landau dan tidak dibenarkan menjalankan aktiviti pertanian. Manakala dalam kalangan 7 responden yang menyatakan tidak berlakunya konflik tanah adalah kerana mereka tidak mempunyai tanah lain selain daripada tanah untuk rumah

kediaman sahaja. Hal ini menyebabkan mereka tidak terlibat dengan konflik tanah dengan mana-mana penduduk lain, orang luar atau tiada pertelingkahan antara responden dan saudara mara mengenai isu tanah warisan atau tanah pusaka keluarga.

4.6.12 Kewujudan Konflik Berkenaan Tanah di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Jadual 4.9: Kewujudan Konflik Berkenaan Tanah di Kampung Kuala Nansang, Tawau

Adakah Wujudnya Konflik Tanah Di Kawasan Kampung Kuala Nansang		
	Bilangan Responden	**Peratus (%)**
Ya	0	0.0
Tidak	38	100.0
Jumlah	**38**	**100.0**

Sumber: Kajian Lapangan (2011)

Jadual 4.9 menunjukkan kesemua responden memberi maklum balas bahawa tiada berlakunya konflik tanah di Kampung Kuala Nansang, Tawau. Menurut Ketua Kampung Kuala Nansang John Slutan bahawa penduduk di bawah pentadbiran beliau tidak terlibat dengan penerokaan kawasan di Sungai Menteri. Konflik tanah hanya berlaku kepada penduduk yang berhampiran dengan kawasan perkampungan Kuala Nansang yang cuba membuat penempatan baru dan kawasan pertanian yang baru di kawasan Sungai Menteri.

BAB 5

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara terperinci konteks bejalai komuniti Iban di Tawau dimana kewujudan penempatan kekal disebabkan pada awalnya adalah melalui proses *bejalai* kemudiannya ada *bekuli* sehingga *bepindah*. Dalam bab ini juga akan menjelaskan bahawa pola migrasi komuniti Iban ini adalah pola migrasi desa ke desa dan turut menerangkan kerangka Teoritikal Strategi Kehidupan sebagai komuniti migran di Tawau Sabah. Bagi hasil kajian kualitatif ini dianalisa menggunakan *Computer Aided Qualitative Data Analysis* (CAQDAS) perisian computer ATLAS.ti. Perisian ATLAS.ti ini membolehkan penerangan hasil temu bual dilihat dalam bentuk rajah yang diikuti dengan huraian hasil dapatan seperti Rajah 5.3.

5.2 Konteks Bejalai Komuniti Iban di Tawau



Rajah 5.1: Hasil adaptasi pengkaji dalam konteks budaya *bejalai* (Kedit, 1993)

Migrasi kumpulan komuniti Iban ke Tawau seawal tahun 1920-an dan populasi komuniti Iban kian meningkat pada tahun 1960 berdasarkan hasil dapatan kajian dan sebahagian responden adalah terlibat secara awal dalam proses migrasi ke Sabah. Merujuk Rajah 5.1 pengkaji menggunakan pedekatan yang diterangkan oleh Kedit (1993) mengenai budaya *bejalai* bahawa komuniti Iban ini pada asalnya adalah untuk mencari peluang pekerjaan bagi meningkatkan sumber ekonomi dan membawa balik hasil pulangan setelah bekerja di Tawau, Sabah. Pengkaji secara keseluruhannya mengambarkan bahawa wujudnya dua penempatan kekal di Tawau adalah terhasil daripada proses migrasi komuniti Iban ini yang mengamalkan budaya *bejalai* yang pada awalnya adalah untuk mencari harta kekayaan dan menaikkan martabat seperti yang diterangkan oleh Freeman (1992).

Menurut responden Jeffery Keding, beliau *bejalai* ke Tawau disebabkan wujudnya peluang-peluang ekonomi yang awalnya beliau adalah seorang kakitangan Jabatan Pertanian Sarawak di Bahagian Sri Aman dan mengambil peluang untuk ke Tawau setelah terdapat ahli keluarga beliau telah menetap di Tawau. Pada asalnya beliau hanya *bejalai* untuk bekerja atau *bekuli* atas dorongan wujudnya peluang pekerjaan yang memberi pulangan yang lumayan dari segi pendapatan bulan beliau bekerja di Tawau.

Namun konteks budaya tradisional *bejalai* ini mula berubah yang tradisionalnya adalah untuk merantau bagi mendapatkan kekayaan, harta dan menaikkan taraf sosial seseorang (Kedit, 1993) tetapi hasil kajian pengkaji melihat konteks *bejalai* komuniti Iban ke Tawau cenderung untuk *bekuli* secara kekal di Tawau. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat perkaitan antara budaya *bejalai* dan *bekuli* dalam migrasi komuniti Iban ke Tawau. Menurut Kedit terdapat beberapa jenis merantau atau yang berkait rapat dengan budaya *bejalai* seperti *bekuli* dan *pindah*. *Bekuli* adalah keluar merantau untuk bekerja sebagai buruh dan *pindah*

pula adalah migrasi secara tetap sama ada dalam kumpulan keluarga atau satu komuniti rumah panjang (Kedit, 1993). Komuniti Iban yang bermigrasi ke Tawau pada awalnya adalah terlibat dengan sektor pembalakan bagi mencari sumber pendapatan isi rumah yang lebih sinonim dengan masyarakat Iban iaitu *bekuli* bagi masyarakat Iban yang turut ditekan oleh Ketua Kampung John Slutan dan Ketua Kampung Lulot yang menyatakan bahawa mereka ke Tawau adalah untuk *bekuli* mencari sumber pendapatan bagi menyara keluarga di Sarawak. Dalam kajian Kedit (1993) juga menunjukkan bahawa 63 orang yang bejalai ke Sabah bekerja dalam industry pembalakan dan 60 orang bekerja sebagai buruh di kawasan yang baru diteroka bagi tujuan penanaman tembakau dan koko.

Dengan adanya peluang pekerjaan yang kekal dan peluang meneroka tanah menyebabkan komuniti Iban ini mula membawa bersama ahli keluarga dan isteri untuk migrasi bersama secara kekal atau dalam konteks budaya Iban adalah *pindah*. Menurut Kedit (1993) *pindah* bagi komuniti Iban adalah migrasi secara kekal secara keluarga, berkumpulan atau komuniti dari rumah panjang secara sukarela untuk *pindah* ke Tawau sehingga mewujudkan penempatan yang kekal di Tawau. Peluang meneroka tanah antara faktor komuniti Iban ini mengambil keputusan untuk menetap di Tawau seperti di Merotai di mana tanah yang diteroka oleh penduduk mampu menjana pendapatan bulanan yang tinggi hasil daripada kelapa sawit dan koko termasuk jualan hasil ikan kolam air tawar.

Pindah - Pola migrasi desa ke desa

Pola *bejalai* atau migrasi ini adalah lebih ke migrasi desa ke desa menyebabkan komuniti Iban mudah mengadaptasikan persekitaran di Tawau di mana pengkaji melihat bahawa keadaan penempatan komuniti Iban ini hampir sama persekitaran di pedalaman Sarawak atau tempat asal responden. Faktor ini menyebabkan komuniti Iban ini berjaya menubuhkan

penempatan kekal di Tawau yang terhasil daripada budaya *bejalai* kepada *bekuli* seterusnya *pindah* secara kekal ke Tawau. Populasi Iban yang banyak pada awal era 1960 telah mewujudkan dua buah rumah panjang di Merotai iaitu Kampung Nangka dan Kampung Ulu Landau. Selain itu, komuniti Iban tidak tertumpu di Merotai dan turut mewujudkan penempatan di Serudung yang dikenali Kampung Iban Kuala Nansang, Tawau yang jaraknya adalah lebih kurang 45 kilometer dari pusat bandar. Sebahagian komuniti Iban di Serudung turut membuka penempatan di Sungai Menteri bagi membuat rumah panjang. Kewujudan penempatan komuniti Iban di kawasan pedalaman Tawau membuktikan bahawa migrasi desa ke desa mampu menaik taraf kehidupan dan mampu berjaya walaupun sebagai komuniti migran di Tawau.

Pengkaji melihat taraf kehidupan komuniti Iban di Tawau adalah berdasarkan peluang komuniti ini mengusahakan pertanian komersial secara skala besar apabila meneroka kawasan baru bagi tujuan kegiatan pertanian sehingga mampu mengeluarkan hasil 45 tan sebulan dan 600 kilogram ikan kolam air tawar. Menurut responden Itab anak Tang, koko yang diusahakan sejak 1981 mampu mengeluarkan hasil 2 tan dalam seminggu. Pengkaji melihat komuniti Iban di Tawau mampu merancakkan ekonomi pertanian di Tawau dan mampu mengadaptasi budaya tempatan masyarakat asal di Tawau. Komuniti Iban ini lebih cenderung untuk bermigrasi ke kawasan desa atau pedalaman di mana elemen penting adalah tanah untuk bercucuk tanam. Dengan adanya tanah atau kawasan untuk diteroka menyebabkan komuniti Iban ini memilih Merotai dan Kuala Nansang sebagai penempatan kekal dengan mengambil kira peluang ekonomi untuk meningkatkan taraf sosial komuniti ini di Tawau.

Perkaitan budaya *bejalai* dan faktor *bekuli* di Tawau telah menyebabkan komuniti Iban ini mengambil kira untuk terus menetap secara tetap di Tawau disebabkan peluang-peluang untuk mengembangkan potensi diri dan strategi kehidupan yang wujud untuk meningkatkan taraf sosial menyumbang ke arah untuk *bepindah* secara terus bersama keluarga di Tawau. Semasa kajian lapangan dijalankan oleh pengkaji responden memberi maklum balas faktor pemilihan Tawau sebagai daerah penempatan kekal komuniti Iban disebabkan banyak peluang yang dapat meningkatkan sumber pendapatan isi rumah apabila kebanyakan komuniti Iban ini bekerja di industri pembalakan dan tanah yang diteroka selepas pembalakan di jadikan sebagai kawasan pertanian kepada komuniti ini. Kemahiran yang sedia ada pada komuniti Iban merupakan salah satu strategi kehidupan kepada komuniti ini yang mempunyai kemahiran dalam pembalakan, buruh dan pertanian menyebabkan komuniti Iban di pandang tinggi di Tawau serta mampu bekerjasama dengan masyarakat setempat di Tawau.



Rajah 5.2: Kerangka Teoritikal Strategi Kehidupan

Sumber: Department for International Development 2002,
(Diterjemahkan dari *Sustainable Livelihood Guidance Sheets)*

Peluang – peluang yang diterangkan oleh responden semasa kajian lapangan memberi pandangan dan maklum balas kepada pengkaji bahawa di Tawau khususnya kawasan penempatan komuniti Iban di Tawau wujudnya peluang yang memberi manfaat kepada komuniti migran dari segi harta sosial, manusia, kewangan, fizikal dan keadaan semula jadi di Tawau menyebabkan komuniti Iban merasakan bahawa Tawau tempat yang strategik untuk memajukan diri dan keluarga. Fenomena *bejalai* dan *pindah* secara kekal oleh komuniti Iban ini dapat di jelaskan melalui Kerangka Teoritikal Strategi Kehidupan seperti pada Rajah 5.2. Cain dan McNicoll (1988) menyatakan bahawa kehidupan keluarga-

keluarga petani mampu menjalani kehidupan yang stabil seperti kehidupan di bandar dengan melakukan pelbagai strategi kehidupan untuk meningkatkan taraf kehidupan. Bagi komuniti Iban di Tawau pelbagai strategi kehidupan yang digunakan dan dimanfaatkan terutamanya untuk meneliti budaya kehidupan dan sosioekonomi penduduk asal di Tawau. Komuniti Iban di Tawau menggunakan platform kehidupan seperti yang di nyatakan Ellis (2000) dalam konteks meningkatkan taraf hidup dari kemiskinan demi kelangsungan kehidupan menggunakan harta sosial, manusia, kewangan, fizikal dan semulajadi memboleh komuniti Iban ini sebagai komuniti migran yang berjaya.

Dalam pada itu, kebudayaan komuniti Iban masih lagi dikekalkan dalam kehidupan dan tradisi komuniti Iban di Tawau walaupun mereka telah berhijrah secara kekal di Tawau yang turut dilihat sebagai elemen penting sebagai strategi kehidupan untuk menunjukkan sebagai komuniti Iban. Pengkaji mendapati persekitaran kehidupan komuniti Iban di Tawau masih mengekalkan konsep rumah panjang Iban di kawasan Ulu Landau di mana reka bentuk dan ciri-ciri struktur adalah sama seperti di Negeri Sarawak. Konsep perhiasan dalaman rumah atau bilik di rumah panjang masih mengekalkan budaya Iban di mana tikar, tajau dan parang ilang sebagai simbol ikon Iban. Komuniti Iban di Tawau juga masih mengekalkan budaya perkahwinan menggunakan pakaian tradisional Kaum Iban semasa Majlis Perkahwinan di Kampung Iban Merotai.

Proses migrasi komuniti Iban di Tawau yang migrasi desa ke desa melangkaui sempadan negeri antara Sarawak dan Sabah menjelaskan bahawa komuniti Iban ini berjaya dari segi strategi kehidupan dengan memanfaatkan peluang-peluang yang wujud dalam meningkatkan taraf ekonomi isi rumah. Secara tidak langsung bahawa budaya *bejalai* ini merupakan strategi kehidupan masyarakat Iban untuk meningkatkan taraf hidup dan strategi ini dalam

konteks moden bagi komuniti lain atau generasi baru adalah lebih kepada budaya bermigrasi keluar dari tempat asal untuk bekerja. Menurut responden kajian, bagi generasi muda dalam komuniti Iban di Tawau lebih memahami migrasi berbanding dengan budaya *bejalai*. Komuniti Iban yang migrasi ke Tawau melihat adanya potensi untuk maju berbanding untuk kekal mencari sumber pendapatan di tempat asal Sarawak. Dengan adanya akses dalam kitaran ekonomi dan tanah di Tawau menyebabkan komuniti Iban di Merotai dan Kuala Nansang memilih Tawau sebagai penempatan kekal yang turut diberi peluang oleh Kerajaan Negeri Sabah penubuhan JKKK yang diketuai oleh Ketua Kampung yang sah oleh Kerajaan Negeri Sabah. Peranan Ketua Kampung Iban ini menunjukkan bahawa pentadbiran dan pemerintahan kerajaan Negeri Sabah mengambil kira keperluan dan hak masyarakat Iban di Tawau telah memperkukuhkan status sosial komuniti Iban setaraf dengan komuniti asal Sabah.

Dengan adanya kawasan penempatan komuniti Iban yang lebih tersusun pelan pembangunan di Daerah Tawau mampu mengembangkan sektor pelancongan di daerah tersebut apabila intersaksi budaya di antara komuniti Iban di Sarawak dan komuniti Iban di Tawau mampu mengembangkan lagi ruangan jalinan budaya. Program Sambutan Perayaan Hari Gawai Peringkat Daerah Tawau harus diadakan setiap tahun dan dimasukkan dalam kalendar Pelancongan Negeri Sabah bagi menghargai komuniti Iban di Tawau.

Kegiatan ekonomi komuniti Iban di Tawau dari pertanian tradisional ke pertanian komersial membuktikan bahawa komuniti ini berjaya mengadaptasi pertanian komersial yang diusahakan oleh penduduk di Tawau mengusahakan kegiatan pertanian sebagai sumber utama menjana pendapatan dengan mengusahakan penanaman Kelapa Sawit sebagai satu punca pendapatan tetap. Di negeri Sarawak, Sutlive (1978) yang menganggap kaum Iban

sangat terkenal dengan penanaman padi bukit membuktikan bahawa kaum Iban ini sangat penting dalam aktiviti penanaman padi. Perubahan konsep pertanian komuniti Iban Tawau salah satu strategi kehidupan yang baik untuk memberi persaingan kepada penduduk tempatan. Selain itu, komuniti Iban di Tawau antara komuniti yang mempunyai hak ke atas tanah yang diterokai dan diberi hak kekal hasil daripada usaha meneroka tanah seperti Kuala Nansang yang dipohon melalui Lembaga Kemajuan Negeri Sabah.

Namun wujudnya masalah tanah di kalangan komuniti Iban di Merotai di kawasan Ulu Landau akibat penerokaan tanah oleh komuniti Iban yang dipercayai kawasan tersebut adalah kawasan Hutan Simpan Kalumpang dan Jabatan Perhutanan dalam usaha untuk memulihkan kawasan tersebut sebagai kawasan tadahan air untuk penduduk di Tawau dan Kunak. Berdasarkan kronologi yang dijelaskan oleh informan kepada pengkaji bahawa kawasan Ulu Landau berada di dalam Hutan Simpan Ulu Kalumpang (Perlindungan Kelas 1) dan Hutan Simpan Dara Kalumpang (Kelas VI) telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri pada 27 Januari 1955 sebagai hutan simpan dibuka untuk pembalakan dan pada tahun 1992, Kerajaan Negeri mewartakan semula kawasan tersebut untuk perlindungan dan pemuliharaan menyebabkan berlakunya tuntutan tanah yang diteroka oleh komuniti Iban sehingga komuniti ini diarahkan untuk keluar dari Ulu Landau.

Bagi menyelesaikan masalah tanah di Ulu Landau, komuniti Iban di Merotai telah menggunakan strategi kehidupan dari segi penglibatan campur tangan pihak politik dengan harapan masalah tanah berjaya di selesaikan. Penglibatan politik ini dianggap penting kepada penduduk Kampung Merotai agar suara masyarakat Iban dapat disampaikan kepada Kerajaan Negeri Sabah melalui saluran yang betul. Komuniti Iban ini juga turut mengadakan pertemuan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu menterinya adalah

Datuk Seri Mohd Nazri Abdul Aziz di Kuala Lumpur bagi mencari jalan penyelesaian berkenaan masalah tanah yang diusahakan sebagai kawasan pertanian dimusnahkan oleh Jabatan Perhutanan Sabah dan lawatan tersebut mendapat kerjasama daripada Ahli Parlimen Tawau, Datuk Chun Soon Bui.

Komuniti Iban di Tawau turut melihat Tawau sebagai daerah yang strategik untuk membuat penempatan kekal dimana memudahkan lagi kepada golongan pekebun-pekebun menjual hasil pertanian disebabkan wujudnya jaringan pengangkutan seperti jalan raya dan kemudahan infrastruktur yang lengkap seperti bekalan air, elektrik, jalan raya dan kemudahan pendidikan di antara strategi kehidupan komuniti ini yang mahu mempunyai akses kepada bekalan elektrik 24 jam, bekalan air dan jalan perhubungan yang baik. Hal ini diperkukuhkan lagi oleh responden yang membandingkan tempat asal beliau di Kapit masih sukar dari kehidupan yang tidak mempunyai kemudahan infrastruktur yang baik seperti di Tawau.

5.3 Perbincangan Mengenai Dapatan Analisis Deskriptif Dalam Kalangan Informan Mengenai Komuniti Iban di Tawau

Bagi analisis deskriptif data hasil temu bual bersama lima orang informan yang telah dipilih secara bertujuan adalah untuk mengetahui secara menyeluruh komuniti Iban di Tawau. Hasil dapatan ini telah dibahagikan kepada empat tema yang dianalisis di proses dan disusun atur oleh pengkaji sendiri menggunakan menggunakan *Computer Aided Qualitative Data Analysis* (CAQDAS) perisian computer ATLAS.ti. Perisian ATLAS.ti ini membolehkan penerangan dilihat dalam bentuk visual yang diikuti dengan huraian hasil dapatan. Empat tema yang dipilih oleh pengkaji adalah adaptasi budaya, peluang ekonomi, pemilikan tanah dan hubungan atau status sosial komuniti Iban di Tawau.



Rajah 5.3: Visual Perisian ATLAS.ti Hasil Analisis Dapatan Temubual Informan Mengenai Komuniti Iban di Tawau

Merujuk Rajah 5.3 ATLAS.ti adalah hasil temu bual bersama lima orang informan yang telah dipilih secara bertujuan untuk mengetahui menyeluruh komuniti Iban di Tawau. Hasil dapatan ini telah dibahagikan kepada empat tema yang dianalisis menggunakan perisian komputer ATLAS.ti. Empat tema tersebut adalah adaptasi budaya, peluang ekonomi, pemilikan tanah dan hubungan atau status sosial komuniti Iban di Tawau.

Bagi tema Adaptasi Budaya kod [1:1] informan 1 dari segi kepercayaan adat Iban lama tidak lagi diamalkan oleh komuniti Iban di Tawau yang majoriti kini komuniti Iban menganut agama kristian dan temubual ini diperkukuhkan dengan hasil dapatan kajian sebelum ini yang majoriti nya adalah kristian. Namun, perayaan Gawai Dayak masih disambut komuniti Iban tetapi upacara miring tidak dijalankan seperti perayaan Gawai Dayak di Sarawak. Upacara miring tidak dijalankan lagi di sebabkan perubahan norma-norma dan pegangan semasa lebih dominan berbanding adat asal Iban yang kini komuniti Iban lebih berlandaskan ajaran agama Kristian dan generasi baru tidak mengerti akan fahaman ajaran adat asal Iban berkenaan fahaman petanda yang berkaitan dengan alam semulajadi seperti bunyi burung dan upacara miring.

Bagi kod [4:1] informan 4 menyatakan bahawa sekiranya adik beradik beliau turut sama *bejalai* ke Tawau kemungkinan akan terus berkahwin di Tawau dan informan turut berdasarkan kod [4:2] menjelaskan bahawa beliau antara individu terawal ke Merotai serta bilangan komuniti Iban yang berada di Tawau boleh dikira. Informan ini cuba menerangkan bahawa pertembungan budaya akan menjurus kepada perkahwinan sesama komuniti atau kahwin campur dengan komuniti tempatan. Informan ini pernah mendirikan rumah tangga dengan wanita berbangsa Murut dan juga wanita bersama Dusun yang kini adalah wanita

Iban. Perkara ini turut dijelaskan bahawa generasi muda cenderung untuk kahwin campur dengan komuniti tempatan Tawau di mana adaptasi budaya tempatan akan berlaku.

Bagi informan 5, kod [5:] menyatakan bahawa komuniti Iban di Tawau tidak ketinggalan jauh dikalangan bangsa-bangsa lain di Tawau dan ini membuktikan bahawa komuniti mampu seiring dengan budaya masyarakat tempatan. Komuniti Iban di Tawau boleh dianggap minoriti di Tawau yang majoritinya adalah bangsa Bugis. Bagi bangsa Tidung, Suluk dan Bajau adalah lebih kurang sama bilangan dengan komuniti Iban.

Bagi tema Peluang Ekonomi, kod [1:2] sejak tahun 1978 komuniti Iban di Tawau telah mendirikan rumah panjang dan menjalankan aktiviti pertanian penanaman koko dan durian. Komuniti Iban ini meneruskan kesinambungan kegiatan tradisional dengan menjalankan aktiviti pertanian sebagai kegiatan ekonomi pada awal komuniti ini menetap di Tawau. Kod [1:3] informan turut menjelaskan peluang ekonomi yang ada di Merotai di mana beliau adalaha seorang usahawan cendawan yang berjaya di Merotai. Permulaan beliau menjadi usahawan cendawan bermula apabila salah seorang daripada anak beliau yang belajar dan bekerja di Kuala Lumpur memberitahu bahawa pihak Jabatan Pertanian akan mengadakan kursus penanaman cendawan. Projek pertama bagi penanaman cendawan di tanah rendah telah diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian di Kuala Lumpur dan selepas kursus tersebut beliau membuat penanaman cendawan secara kecil-kecilan dalam kawasan rumah di Tawau.

Beliau telah membeli tanah di Merotai dan terus menetap di Merotai pada tahun 2003 ekoran permintaan tinggi terhadap cendawan yang memerlukan kawasan yang luas bagi penanaman cendawan. Hasil penanaman cendawan beliau telah mendapat anugerah Peladang Jaya Lelaki peringkat negeri Sabah tahun 2005, 2006 dan 2008. Selain penanaman cendawan, beliau turut mempunyai lapan kolam ikan dan sebelum ini pernah mendapat bantuan

daripada Jabatan Haiwan bagi skim penternakan kambing dengan jumlah 300 ekor dan kini telah digantikan dengan ladang kelapa sawit.

Menurut informan 4, kod [4:5] pada awal permulaan beliau di Tawau beliau turut terlibat dengan memproses membuat tali secara tradisional dari spesis Pokok Pisang Lanun yang ditanam secara meluas oleh pihak syarikat tempat beliau bekerja. Hasil temubual menunjukkan bahawa komuniti Iban di Tawau bukan saja terlibat dalam sektor pembalakan namun turut terlibat dalam perusahaan membuat tali. Selain itu, informan ini turut bekerja mengambil getah nyatu sebagai sumber pendapatan beliau.

Bagi kod [5:8] informan 5 menyatakan bahawa komuniti Iban lebih gemar untuk bekerja di sektor pembalakan berbanding mengusahakan tanah sendiri bagi tujuan pertanian untuk menyara keluarga dan anak-anak yang masih bersekolah. Beliau turut memberi pandangan yang berkenaan kesan kepada keluaraga apabila KIR bekerja di dalam sektor pembalakan menyebabkan masa bersama keluarga dan anak-anak adalah kurang sehingga ada anak-anak lalai akan pentingnya akademik dan ada anak-anak dalam komuniti Iban berhenti sekolah. Informan tidak menafikan bahawa sumber pendapatan yang lumayan bekerja di dalam sektor pembalakan di Tawau namun impak terhadap keluarga juga turut terkesan disebabkan informan adalah seorang guru yang mahu anak-anak dari komuniti Iban berjaya meneruskan kehidupan sebagai komuniti migran yang berjaya bukan sebagai petani sahaja tetapi sebagai seorang yang mempunyai taraf pendidikan yang baik serta mampu berkhidmat dalam perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Sabah dan Swasta di Negeri Sabah. Informan turut berkongsi [5:9] sebelum komuniti terlibat dalam pertanian komersial penanaman kelapa sawit, pertanian tradisional komuniti Iban dengan menanaman padi antara sumber pendapatan yang penting dan penekanan terhadap akademik agak kurang. Tapi kini, kesedaran terhadap akademik mula dititikberatkan kepada anak-anak dan kegiatan pertanian

tetap juga di ajar kepada generasi muda oleh golongan tua di Tawau disebabkan boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan tambahan selain pekerjaan tetap. Temubual ini diperkukuhkan dengan dapatan kajian bahawa terdapat responden mempunyai sumber pendapatan tambahan seperti membuka kedai mencuci kereta, kedai runcit dan menjual hasil kelapa sawit.

Bagi tema pemilikan tanah, kod [1:8] informan tahap kemajuan komuniti Iban di Merotai mula jauh ketinggalan semenjak tanah di Ulu Landau telah diambil oleh Jabatan Hutan dan kerja penolakan serta memusnahkan hasil tanaman penduduk Iban di Landau telah dimulakan oleh pihak Jabatan Perhutanan Sabah bagi tujuan penanaman kayu hutan. Selain itu, status tanah di Ulu Landau telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kalumpang dan Jabatan Perhutanan dalam usaha untuk memulihkan kawasan tersebut sebagai kawasan tadahan air untuk penduduk di Tawau dan Kunak. Kini semua penduduk Iban di Ulu Landau telah menetap di kawasan Merotai di tanah skim penempatan banjir. Ketiadaan hasil pertanian komersial yang diusahakan di Ulu Landau seperti kelapa sawit amat dirasa oleh penduduk Merotai yang kini hanya ada tanah lot rumah sahaja menyebabkan kesukaran untuk menyara keluarga selepas tanah dirampas oleh pihak Jabatan Perhutanan Sabah.

Perkaitan tema Peluang Ekonomi dan Tema Pemilikan Tanah menunjukkan bahawa komuniti Iban telah melepasi garis kemiskinan yang dahulunya satu keluarga mempunyai 15 ekar dan dapat mengaut keuntungan sebulan RM7000 atau 12 tan sebulan bermakna komuniti Iban telah mencapai lebih daripada garis kemiskinan yang ditetapkan. Selepas komuniti Iban dihalau dari kawasan Ulu Landau menyebabkan komuniti Iban mula hilang sumber pendapatanakibat kawasan yang diteroka dan rumah panjang Ulu Landau telah diwarta sebagai hutan simpan kelas 1. Akibat masalah tanah ini, informan 2 [2:12] semasa

Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Najib berkunjung ke Tawau, bersama Datuk Musa Aman, Datuk Shafie Afdal dan Datuk Abdul Ghapur, KK Lulot telah bertemu dengan Datuk Musa Aman pada lawatan tersebut, dan Datuk Seri Najib mengatakan bahawa Datuk Shafie Afdal dan Datuk Abdul Ghapur merupakan saksi beliau kepada Datuk Musa Aman iaitu penduduk Iban tidak boleh dihalau dan tanah 1800 ekar harus dikembalikan kepada mereka (107 orang).

Bagi pemilikan tanah di Kuala Nansang [3:1] informan turut menerangkan bahwa penduduk di Kuala Nansang juga turut mengalami masalah seperti Ulu Landau iaitu di kawasan Sungai Menteri apabila kesemua tanaman serta rumah panjang mereka turut dimusnahkan oleh pihak Jabatan Hutan. Pada awalnya, KK John turut mempunyai tanah di kawasan Sungai Menteri namun kewujudan konflik yang dialami beliau dengan penduduk Iban yang lain menyebabkan beliau terus menjual tanah tersebut. Tanah yang diteroka komuniti Iban di Sungai Menteri merupakan hutan simpan kelas 1 dan kesemua penduduk di Sungai Menteri tersebut telah kembali semula ke Kuala Nansang.

Bagi tanah yang dimiliki oleh penduduk di Kuala Nansang telah dibahagikan mengikut lot-lot yang telah dirancang oleh pihak kerajaan mengikut tanah perancangan dibawah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah bagi penanaman kelapa sawit.

Bagi tema yang keempat Hubungan atau Status Sosial, wujudnya penglibatan komuniti Iban dalam politik bermula dengan penglibatan dalam Parti Berjaya semasa pemerintahan Datuk Haris telah memperuntukan keluasan 10 ribu ekar tetapi khususnya 1800 ekar untuk komunti Iban di kawasan Ulu Landau. Semasa Parti Bersatu Sabah mengalahkan Parti Berjaya kawasan Ulu Landau masih kekal kepada komuniti Iban dan pelbagai bantuan kerajaan telah disalurkan kepada komuniti Iban di Ulu Landau. Menurut informan, hubungan antara

komuniti Iban dengan menteri-menteri dari Sarawak amat baik yang turut melawat rumah panjang komuniti di Ulu Landau yang ketika itu informan masih menjadi ketua cawangan Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK).

Hubungan sosial yang baik dalam politik informan turut memohon bantuan Puan Teresa yang ketika itu merupakan Ketua Puteri UMNO telah berbincang bersama Perdana Menteri Datuk Seri Najib dan Datuk Abdul Ghapur (Ketua UMNO bahagian P.165 Tawau dan ADUN N.47 Kalabakan) berkenaan konflik tanah komuniti Iban di Ulu Landau yang belum selesai sehingga menyebabkan terdapat komuniti Iban terkesan dari segi punca pendapatan bulanan apabila tanaman yang telah diusahakan sejak 20 tahun yang lepas dimusnahkan oleh Jabatan Perhutanan Sabah. Informan 3 menyuarakan pandangan beliau [3:4] bahawa sepatutnya pihak kerajaan harus melarang lebih awal sekiranya tidak membenarkan komuniti Iban meneroka di kawasan tersebut dan bukannya selepas 30 tahun mengusahakan tanah di kawasan tersebut. Seharusnya membenarkan komuniti Iban membuat *Land Application* (permohonan tanah) bagi tanah yang diusahakan dan mempertimbangkan permohonan komuniti Iban agar meluluskan tanah yang dipohon kepada Kerajaan Negeri Sabah dan jalan penyelesaian adalah sukar sehinggakan responden tidak pasti penyelesaian yang terbaik berkenaan isu tanah di Ulu Landau.

Selain itu, pengkaji yang akan datang juga boleh membuat kajian kepada komuniti Iban yang berpindah semula ke kawasan asal di Sarawak bagi mengkaji atau melihat permasalahan yang timbul sehingga membuat keputusan untuk balik semula ke kawasan asal. Pengkaji turut membuat temubual bersama salah seorang komuniti Iban yang pernah menetap di Lahad Datu Sabah dan kembali semula ke Sarawak iaitu Encik Jala Anak Nating yang kini menetap di Kapit Sarawak. Beliau banyak berkongsi akan pengalaman beliau semasa

menetap di Lahad Datu dan menurut beliau terdapat penempatan komuniti Iban di Lahad Datu. Beliau juga turut menyatakan bahawa hampir semua daerah di Sabah mempunyai komuniti Iban semasa beliau bekerja di Lahad Datu sebagai *Home Guard* pada tahun 1964 dan pada tahun tersebut banyak komuniti Iban di ambil bekerja oleh Kerajaan Negeri Sabah sebagai *Home Guard.* Dengan ada kajian ini, pengkaji akan datang boleh membuat kajian di Lahad Datu, Sabah bagi mengkaji kewujudan komuniti Iban di daerah tersebut.

BAB 6

RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Bahagian ini menjurus kepada penghuraian daripada dapatan kajian serta perbincangan daripada bab-bab yang sebelumnya berdasarkan aspek-aspek yang telah ditekankan oleh pengkaji berkenaan komuniti Iban sebagai komuniti migran yang berjaya. Dalam bahagian ini pengkaji juga membincangkan berkenaan implikasi akademik terhadap adaptasi pengkaji berkenaan teori *bejalai*, polisi, cadangan penambahbaikan bagi membantu komuniti Iban di Daerah Tawau.

6.1 Rumusan Kajian

Kajian yang dijalankan telah memberi gambaran bagaimana kewujudan perkampungan masyarakat Iban di Tawau dimana di dalam Bab 4 yang merangkumi Adaptasi Budaya, Peluang Ekonomi, Pemilikan Tanah dan Hubungan atau Status Sosial merupakan perbincangan dapatan yang telah dihuraikan dalam kajian ini. Hal ini menunjukan bahawa budaya tradisional *bejalai* ini antara elemen yang penting dalam membentuk komuniti Iban Tawau. Pembentukan penempatan kekal di Tawau terhasil daripada budaya *bejalai* komuniti Iban melihat Tawau sebagai tempat yang sesuai untuk bekerja atau ditafsirkan oleh komuniti Iban sesuai untuk *bekuli* dimana wujudnya peluang pekerjaan yang mampu menjana sumber pendapatan kepada mereka. Kebanyakan konsensi hutan juga menggunakan khidmat pekerja-pekerja dari Sarawak untuk bekerja di sektor pembalakan dan selain daripada Negeri Sarawak, Negeri Sabah antara negeri yang memperolehi sumber pendapatan negeri melalui aktiviti pembalakan menyebabkan komuniti Iban turut cenderung untuk bekerja di Sabah selain daripada Negeri Sarawak (Leigh, 1989:101).

Dalam perspektif kajian ini menunjukkan tiga elemen yang berkait rapat antara satu sama lain di mana pengkaji melihat budaya *bejalai* ini wujud disebabkan peluang ekonomi menjurus kepada aktiviti *bekuli* bekerja di perantauan dan akhirnya mewujudkan tren *pindah* apabila seseorang individu membawa ahli keluarga untuk migrasi terus ke penempatan baru seperti Tawau. Ketiga - tiga elemen budaya ini amatlah berkait rapat dalam pembentukan penempatan komuniti Iban. Dalam kehidupan seseorang yang migrasi keluar dari tempat asal telah melihat strategi kehidupan yang perlu ada untuk memajukan diri dan keluarga serta peluang - peluang yang wujud disesuatu tempat yang baharu agar corak kehidupan jauh lebih baik daripada tempat asal.

Komuniti Iban mampu mengadaptasikan persekitaran Negeri Sabah khususnya di Daerah Tawau dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan persekitaran di mana daerah ini keadaan bentuk muka bumi yang hampir sama dengan kawasan luar bandar Negeri Sarawak dari segi meneroka kawasan baru atau tanah bagi tujuan kegiatan pertanian. Komuniti Iban menggunakan kepelbagaian strategi kehidupan untuk memajukan diri dan keluarga sebagai komuniti migran yang berjaya di Tawau. Pola migrasi desa ke desa juga yang merentasi sempadan menunjukkan bahawa kemampuan komuniti Iban ini lebih maju sebagai komuniti migran yang berpandangan jauh dan melihat kepelbagaian peluang dari segi peluang pekerjaan, kesuburan tanah untuk pertanian dan peluang untuk mewujudkan penempatan kekal komuniti Iban di Tawau.

Selain daripada itu, keperluan meneroka kawasan tanah baru merupakan suatu proses aktiviti pertanian yang perlu untuk keberlangsungan hidup dan meningkatkan sumber pendapatan sesebuah keluarga di mana hasil tuaian contohnya padi akan menjadi punca atau sumber ekonomi keluarga. Hal ini telah diutarakan oleh Sutlive (1978) di mana penanaman padi

bukit sangat terkenal di kalangan kaum Iban yang turut dibuktikan semasa kajian lapangan terdapat responden masih mengekal penanaman padi walaupun turut mengusahakan tanaman komersial seperti kelapa sawit.

Begitu juga dengan konsep Freeman (1995), persekitaran dan kesesuaian lokasi di Tawau yang masih mengekalkan hutan rimba, amat sesuai dengan komuniti Iban yang masih mengamalkan kegiatan tradisional seperti memburu, menangkap ikan dan memungut hasil hutan adalah faktor mempengaruhi komuniti Iban menjadikan Tawau sebagai penempatan tetap komuniti Iban. Penyataan ini turut ditekankan oleh Soda (2011) kaum Iban terkenal dengan kemampuan mereka untuk menerokai kawasan hutan tebal yang mungkin tidak dilakukan oleh kaum lain dan perkara ini turut dibuktikan dengan penerokaan hutan di kawasan Ulu Landau.

Selain itu, tidak dapat dinafikan ciri-ciri kepimpinan dan keberanian kaum Iban (Kedit,1993) juga merupakan salah satu faktor yang membolehkan komuniti Iban menubuhkan penempatan kekal di Negeri Sabah iaitu Tawau. Hal dibuktikan dengan adanya kewujudan jawatan Penghulu daripada kaum Iban telah diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Sabah termasuk juga jawatan Ketua Kampung di kedua-dua kawasan Merotai dan Kuala Nansang, Tawau, Sabah.

Komuniti Iban di Tawau kini lebih menjurus kepada kemajuan kehidupan dari pencapaian tahap akademik, pekerjaan, perniagaan dan peluang untuk mendapatkan pekerjaan di luar negara menunjukkan perubahan pemikiran komuniti Iban dan mampu untuk bersaing dengan komuniti lain di Sabah. Perubahan ini adalah perubahan nilai yang positif atas dasar persekitaran dimana komuniti ini berada dan berinteraksi dengan masyarakat tempatan. Perubahan dapat dilihat melalui perbandingan dengan daya pemikiran komuniti Iban pada

masa yang lampau di mana dahulunya komuniti Iban menjurus kepada perancangan meningkatkan nilai kehidupan atau ukuran pencapaian diri dengan melakukan aktiviti pertanian padi bukit, pemenggalan kepala musuh serta meneroka kawasan baru bagi tujuan pertanian (Empiang Jabu,1989). Walaupun perubahan ini berlaku tetapi konteks tradisi asal masih dikekalkan seperti mengusahakan menjalankan pertanian komersial dan usaha juang dalam meningkatkan kehidupan melalui pencapaian akademik komuniti Iban. Kajian migrasi Komuniti Iban ini adalah penambahan nilai dalam komuniti yang berlaku hasil daripada perubahan persekitaran. Dirumuskan bahawa perubahan ini bersikap positif dan pada masa yang sama mengekalkan adat resam yang boleh diterima oleh masyarakat di tempat baru.

6.2 Implikasi Kajian

Kajian ini juga telah menunjukkan wujudnya perubahan norma-norma budaya *bejalai* yang bukan hanya untuk mengumpul harta kekayaan dan meningkatkan martabat taraf sosial tetapi perubahan persepsi *bekuli* yang bukan menjurus kepada pendapatan yang rendah atau sebagai buruh seperti yang dijelaskan oleh Kedit (1993). Pengkaji melihat perubahan budaya *bejalai* dan *bekuli* yang mendorong kepada komuniti Iban untuk *bepindah* secara kekal dimana kajian ini membahaskan bahawa *bejalai* yang asalnya adalah sementara tetapi bagi komuniti Iban ini adalah *bekuli* dan *pindah* yang dibantu elemen *bejalai* pada awalnya.

Kajian ini turut boleh dijadikan sebagai panduan ilmiah kepada kajian pola migrasi desa ke desa yang merentasi sempadan negeri asal bagi membuat perbandingan kehidupan sebelum dan selepas migrasi secara tetap ke tempat baharu. Kebanyakan pengkaji menjurus kepada teori dan pola migrasi daripada luar bandar ke bandar tetapi berbeza dengan kajian ini di mana pola migrasi ini lebih kepada corak migrasi ke kawasan luar bandar.

Kajian ini hanya dijalankan di Daerah Tawau yang melibatkan dua perkampungan Iban sahaja iaitu di Merotai dan Kuala Nansang. Namun kajian ini membolehkan pengkaji-pengkaji masa akan datang mempunyai gambaran untuk membuat kajian secara menyeluruh di daerah lain di sekitar Negeri Sabah di mana menurut responden yang dikaji turut menyatakan bahawa penempatan komuniti Iban turut wujud di sekitar daerah lain di Negeri Sabah.

Selain itu, hasil kajian ini juga boleh digunakan sebagai kajian kedatangan komuniti Iban di negeri lain selain daripada Sabah di mana komuniti Iban juga turut mengamalkan budaya *bejalai* ke Negeri Pahang dan Negeri Terengganu. Dengan adanya kajian ini akan membantu pengkaji akan datang membuat kajian di Semenanjung Malaysia.

Dalam kajian lapangan pengkaji turut menerima maklum balas agar kawasan asal komuniti Iban di Ulu Landau diluluskan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah bagi rumah panjang Iban di Tawau dikekalkan sebagai satu bukti sejarah budaya *bejalai* dan wujudnya rumah panjang Iban Daerah Tawau

Pejabat Daerah Tawau harus mengambil kira keperluan komuniti Iban di Tawau dalam Pelan Perancangan Pembangunan Daerah Tawau dengan mewujudkan Pasar Tamu Iban bagi membolehkan komuniti Iban menjual hasil pertanian dan kraf tangan Iban secara komersial berbanding menjual di kawasan tepi jalan seperti yang dipratikkan sehingga kini oleh komuniti Iban di Tawau. Selain itu, peranan Pejabat Daerah Tawau amat penting dalam mewujudkan pangkalan data jumlah komuniti Iban secara menyeluruh di kawasan Tawau dan mencadangkan agar Jabatan Perangkaan Negeri Sabah menbuat bancian menyeluruh jumlah komuniti Iban yang mendiami Negeri Sabah secara kekal.

6.3 Cadangan Kajian

Kerajaan Negeri Sabah harus memberi peluang kepada komuniti Iban dalam Pentadbiran Kerajaan Sabah bagi mewakili komuniti Iban dan tidak hanya tertumpu kepada peranan sebagai Ketua Kampung atau Penghulu. Kerajaan Negeri Sabah harus membenarkan komuniti Iban untuk memohon tanah tambahan bagi tujuan membuat penempatan kekal komuniti Iban di mana kini pertambahan bilangan ahli keluarga dikalangan komuniti Iban di Tawau semakin bertambah dan keperluan tanah bagi tujuan membina rumah adalah sangat perlu. Selain itu, keperluan tanah amat penting kepada komuniti Iban dalam meningkatkan taraf ekonomi dan sebagai punca pendapatan terutamanya dalam kegiatan pertanian.

Konsep Kampung Budaya Iban dan Pekan Pertanian Iban Tawau boleh diwujudkan bagi meningkatkan ekonomi Negeri Sabah dan secara tidak langsung akan mewujudkan kerjasama antara Kerajaan Negeri Sarawak. Program Pelancongan Budaya Borneo Sabah-Sarawak boleh dijadikan sebagai program yang mampu mengekalkan adat resam komuniti Iban di Sabah. Peranan komuniti Iban amat penting kepada Kerajaan Negeri Sabah terutamanya sebelum era kemerdekaan dan komuniti awal Iban yang migrasi ke Negeri Sabah banyak membantu negeri semasa era peperangan, keselamatan dan turut beperanan dalam ekonomi Negeri Sabah terutamanya semasa era pembalakan. Kerajaan Negeri Sabah harus merancang pelan pembangunan dan kebajikan komuniti Iban di Sabah agar hak kebajikan mereka turut dijaga sebagai sebahagian rakyat Sabah.

Oleh yang demikian, diharapkan agar kajian lapangan ini boleh digunakan sebagai rujukan kepada pengkaji akan datang di mana responden boleh terdiri daripada generasi muda kaum Iban di Daerah Tawau untuk melihat hala tuju dan perkembangan yang terkini bagi komuniti Iban di Sabah. Kajian akan datang juga boleh menjurus kepada tahap penglibatan komuniti

Iban terhadap pembangunan Negeri Sabah serta penyertaan mereka dalam bidang politik termasuk juga dalam pentadbiran kerajaan Negeri Sabah.

RUJUKAN

Anglican Diocese Sabah. (2014). *About The Anglican Church in Sabah*. Dimuat turun daripada http://www.anglicansabah.org/2014.1/about_history.html. (Dicapai pada 28 Julai 2014).

Black, I.D. (1969). Dayak in North Borneo: The Chartered Company and the Sea Dayaks of Sarawak. *The Sarawak Museum Journal*, *XVII*(34-35): 245-272.

Bayak, F. (2006). *Komuniti Iban Di Kampung Iban Kuala Nansang, Tawau, Sabah: Sejarah Migrasi, Petempatan Dan Perubahan*. Latihan Ilmiah Pelajar Tahun Akhir, Universiti Malaysia Sabah.

Cain, M. and McNicoll, G., (1988). Population Growth and Agrarian Outcomes. *Population, Food and Rural Development*, Oxford: Clarendon Press, 101-117

Creswell, J.W., (2002). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches.* United States: SAGE Publications, Incorporated.

Ellis, F. (1998). Household Strategies and Rural Livelihood Diversification. *The Journal of Development Studies*, *35*(1): 1-38.

Empiang Jabu (1989). Historical Perspective of the Iban. *The Sarawak Museum Journal, XL*(61): 21-31.

Freeman, D. (1992). *The Iban of Borneo*. Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed

Goodlet, K. (2010). *Tawau-The Making of a Tropical Community*. Kota Kinabalu: Opus Publication.

Hammersley, M., & Atkinson, P. (1983). *Ethnography: Principles in practice.* London: Tavistock.

Jensen, E. (1974). *The Iban and Their Religion*. Oxford: The Clarendon Press.

Kedit, P.M (1993). *Iban Bejalai*, Kuala Lumpur: Ampang Press.

Langub, J. (2011). The Iban of Merotai: Bejalai Narratives. *Borneo Research Bulletin*, *42*: 260-274.

Lebar, O. (2012). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.

Leigh, M. (1989). The Iban: Contemporary Issues and Dilemmas. *The Sarawak Museum Journal XL*(61): 97-101.

Maraining, A. (2013). *Sejarah Migrasi Dan Petempatan Komuniti Iban Di Daerah Tawau, Sabah 1940-2011*. Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sabah.

Marshall, C., & Rossman, G. B. (1999). *Designing qualitative research* (Edisi ke-3). Thousand Oaks, CA, US: Sage Publications, Inc.

Merriam, S. B., (2002). *Qualitative research in practice: Examples for discussion and analysis.* San Francisco: Jossey-Bass.

Padoch, C. (1978). *Migration and Its Alternatives Among the Iban of Sarawak*. Hague: The Hague-Martinus Nijhoff.

Piaw, C.Y. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan (Buku 1), Edisi Ketiga.* McGraw - Hill

Pringle, R. (2010). *Rajah and Rebels: The Iban of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.

Sandin, B. (1994). Sources of Iban Traditional History. *The Sarawak Museum Journal, XLVI*(67): 235-267.

Sandin, B. (1969). *The Sea Dayak Before White Rajah Rule.* London: Macmillan.

Schensul, J., Schensul, L., Schensul, S., & LeCompte, M. (1999). *Essential ethnographic methods: observations, interviews, and questionnaires.* California: AltaMira Press

Siddiqui, T. (2003). *Migration as a livelihood strategy of the poor: The Bangladesh case.* Bangladesh: Dhaka University.

Soda, R. & Seman, L. (2011). Life Histories of Migrants: Bejalai Experiences of the Iban in Sabah, Malaysia. *Geographical Studies, 86*(1): 132-152.

Soda, R. (2001). Rural-Urban Migration of the Iban of Sarawak and Changes in Long-house Communities. *Geograhical Review of Japan, 74*(1): 92-112.

Sutlive, V.H. (1978). *The Iban of Sarawak.* Arlington Heights, Illinos, USA: AHM Publishing Corp. In the series World of Man: Studies in Culture Ecology edited by Walter Goldschmidt.

Talib, O. (2013a). *Atlas.ti: Pengenalan Analisis Data Kualitatif 140 Illustrasi Langkah Demi Langkah.* Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Resources.

Talib, O. (2013b). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Tregonning, K. G. (1965). *A History of Modern Sabah (North Borneo 1881-1963).* Singapore: University of Malaya Press.

Ullah, A.K.M, (2010). *Labour Migrant in East and South-East Asia, London.* Ashgate: Publishing Company.

Umbar, H.U. (2017). *Dayak, Iban Sarawak We Ain't Headhunters, Pirates or Trouble Makers.* Sibu: Syarikat Sg Teras.

LAMPIRAN

Lampiran 1

MAKLUMAT RESPONDEN

Jantina: ☐ Lelaki ☐ Perempuan

Umur: _____

Tempat Lahir : ☐ Sarawak : (Nyatakan Tempat)_____

☐ Sabah: (Nyatakan Tempat) _____

Pekerjaan Utama:

☐ Kerajaan ☐ Petani

☐ Swasta ☐ Tidak Bekerja

☐ Peniaga ☐ Lain-Lain (Nyatakan) _____

Adakah Anda Mempunyai Sumber Pendapatan Yang Lain Selain Daripada Bekerja

☐ Ya ☐ Tidak

Jika Ya(Nyatakan)_____

Taraf Pendidikan:

☐ Tamat Darjah 6 ☐ Tamat Tingkatan 6

☐ Tamat Tingkatan 3 ☐ Sijil Kemahiran

☐ Tamat Tingkatan 5 ☐ Diploma

☐ Ijazah ☐ Tidak Bersekolah

Pendapatan Bulanan (RM): _____

Keturunan Suami atau Isteri:

☐ Iban ☐ Murut

☐ Kadazan ☐ Dusun

☐ Bugis ☐ Iban-Murut

☐ Kadazan-Dusun ☐ Lain-Lain_____(Nyatakan)

MAKLUMAT ISI RUMAH

Generasi Ke Berapakah Anda

☐ Pertama ☐ Kedua ☐ Ketiga

Sekiranya Generasi Pertama Tahun Bilakah_____

Dimanakah Asal atau Rumah Panjang di Sarawak Kamu/Orang Tua Kamu?

_____

Jumlah Ahli Keluarga Yang Tinggal Serumah: _____ (Orang)

Bilangan Anak: Lelaki_____(Orang) Perempuan_____(Orang)

Pendidikan Anak: Bersekolah _____(Orang) Universiti/Kolej _____(Orang)

Jenis Pekerjaan Anak Jika Sudah Bekerja

☐ Kerajaan

☐ Swasta

☐ Bekerja Sendiri

Jika Anak Sudah Berumahtangga Apakah Keturunan Pasangan Masing-Masing (Nyatakan)

Status Tempat Tinggal Anak Yang Sudah Berumahtangga.

Bilangan Menetap Disini_____(Orang)

Bilangan Menetap di Tempat Lain_____(Orang) Dan Nama Tempat Menetap(Contoh Tawau,KK Dan Sebagainya)_____

Adakah Terdapat Ahli Keluarga Yang Keluar Bekerja Ke Tempat Lain Di Sabah, Sarawak, Semenanjung Malaysia dan Singapura

☐ Ya (Nyatakan Tempat)_____

☐ Tidak

Adakah Anda mempunyai hubungan rapat dengan besan kamu (ibu bapa mertua anak) yang lain keturunan?

☐ Ya

☐ Tidak

☐ Tidak Berpeluang Jumpa

Berapakah Jumlah Ahli Keluarga Terdekat Yang Menetap Di Sabah? Jika Ada Nyatakan Jumlah

Tawau Berapa Orang _____

Merotai Berapa Orang _____

Kuala Nansang Berapa Orang _____

Ikatan silaturahim antara kamu dengan penduduk Iban disini

- [ ] Sangat Akrab/Sangat Baik
- [ ] Sederhana Akrab / Sederhana Baik
- [ ] Tidak Akrab/ Tidak Baik

Konteks Interaksi Sosial Yang Paling Kerap Antara Kamu Dengan Penduduk Iban Disini? Boleh Tanda Lebih Dari Satu

- [ ] Gereja
- [ ] Kenduri
- [ ] Pekan
- [ ] Aktiviti Gotong Royong
- [ ] Kedai Kopi
- [ ] Rumah Sahabat Handai

Bagaimanakah Penguasaan Bahasa Iban di Kalangan Muda Berumur Bawah 20 Tahun Dalam Keluarga Ini?

- [ ] Tidak Fasih
- [ ] Fasih
- [ ] Sangat Fasih

Adakah Dalam Keluarga Anda Bahasa Iban Diutamakan Bagi Perbualan Harian Keluarga

- [ ] Ya
- [ ] Tidak

Adakah Anda Pernah Mengirim Wang Kepada Keluarga Di Sarawak

- [ ] Ya
- [ ] Tidak

Adakah Anda Mengamal Menyimpan Wang Simpanan Daripada Sebahagian Pendapatan Anda

- [ ] Ya
- [ ] Tidak

KEAGAMAAN

Kepercayaan

☐ Anglican ☐ Islam

☐ Roman Catholic ☐ SDA (Seventh Day Adventist)

☐ SIB ☐ Lain-Lain(Nyatakan)_____

☐ Adat Iban

Sejak Bilakah Kamu Menganut Kepercayaan Tersebut _____

Adakah Semua Ahli Keluarga Menganut Agama Yang Sama

☐ Ya

☐ Tidak (Nyatakan Jenis Kepercayaan Mereka)_____

HUBUNGAN DENGAN PENDUDUK BUKAN IBAN

Konteks Interaksi Sosial Yang Paling Kerap Antara Kamu Dengan Penduduk Lain Disini? Boleh Tanda Lebih Dari Satu

☐ Gereja ☐ Aktiviti Gotong Royong

☐ Kenduri ☐ Kedai Kopi

☐ Pekan ☐ Rumah Sahabat Handai

Adakah Kamu Fasih Berbahasa Bahasa (Sila Tandakan Pada Ruangan Yang Disediakan):

Bahasa Melayu Sabah	Sangat Tidak Fasih		Fasih		Sangat Fasih	
Kadazan	Sangat Tidak Fasih		Fasih		Sangat Fasih	
Murut	Sangat Tidak Fasih		Fasih		Sangat Fasih	
Dusun	Sangat Tidak Fasih		Fasih		Sangat Fasih	
Bugis	Sangat Tidak Fasih		Fasih		Sangat Fasih	
Lain-Lain Nyatakan	Sangat Tidak Fasih		Fasih		Sangat Fasih	

Adakah Anda Ada Menyertai Persatuan/Komuniti/Kumpulan Kerjasama Yang Ahlinya Dianggotai Pelbagai Kaum? Jika Ada Nyatakan Nama Persatuan/ Komuniti/ Kumpulan Kerjasama

_____

Adakah Kamu Berpendapat Generasi Muda Iban Lebih Cenderung Berkahwin Campur, dan Mengapa?

☐ Ya _____

☐ Tidak_____

PEMILIKAN DAN GUNA TANAH

Status Pemilikan Tanah Tapak Rumah Kediaman

☐ Sendiri

☐ Sewa

Adakah Anda Mempunyai Tanah

☐ Ya ☐ Tidak

Luas Tanah Yang Anda Miliki_____Ekar/Hektar

Bagaimana Anda Mendapat Tanah

☐ Diberi Kerajaan

☐ Dibeli Dari Penduduk Tempatan

☐ Turun Temurun (Keluarga)

☐ Dipohon Dari Kerajaan

Kegunaan Tanah

☐ Kegiatan Pertanian

☐ Kelapa Sawit

☐ Kolam Ikan

Jika Mempunyai Penanaman Kelapa Sawit Berapakah Anggaran Hasil Jualan Kelapa Sawit Bagi Tahun Lepas_____

Adakah Wujudnya Konflik Tanah Di Kawasan Anda

☐ Ya ☐ Tidak

KERJASAMA DARIPADA PIHAK ANDA AMATLAH DIHARGAI

Lampiran 2

Gambar 1: Temubual bersama KK Lulot Anak Junggal (Kampung Merotai)

Gambar 2: Lawatan Ke Kebun Buah Dabai Sarawak dan benih buah dabai dibawa dari Sarawak oleh Encik Tijut Anak Timu.

Gambar 3: Pengusaha Cendawan Encik Jeffery Keding di Kampung Iban Merotai

Gambar 4: Temu bual bersama KK John Slutan (Kampung Iban Kuala Nansang)

Gambar 5: KK John Slutan dan isteri bersama penyelidik semasa kajian di Kampung Iban Kuala Nansang

Gambar 6 : Isteri KK Lulot bersama anyaman bakul tradisional masyarakat Iban

Gambar 7 : Tembual bersama Encik Jala Anak Nating di Kapit, Sarawak

Gambar 8 : Dokumen Rasmi Encik Jala Anak Nating semasa bertugas di Lahad Datu, Sabah



№ 0597

MOSTYN ESTATES LIMITED

REF: EI.

DISCHARGE CERTIFICATE

Name: Jala anak Nating

~~Entry Permit No.~~ Certificate of Identity No. 92384

Identity Card No. 141011

Employed as: Home Guard

Date commenced: 9th December, 1964

Date of Leaving: 1st March, 1966

Age: 22 years

Nationality: Iban

Reason for Leaving: At his own request.

Manager's comments: $180.00 paid to Jala anak Nating being his balance earning due.

Left Thumb Print:

MOSTYN ESTATES LIMITED

Date 28th February, 1966.

Manager

c. c. Labour Office, Lahad Datu.
Immigration Office, Lahad Datu.

08.25.2016

Gambar 9 : Dokumen Rasmi Encik Jala Anak Nating semasa bertugas di Lahad Datu, Sabah



Gambar 10 : Dokumen Rasmi Encik Jala Anak Nating semasa bertugas di Lahad Datu, Sabah